



**K**enali  
**N**egara  
**K**itani

**KOMPILASI RENCANA**

# **KNK 2018**

## **Brunei Darussalam**





**Terbitan:**

Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

**Penyelaras:**

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

**Taip Set/Kompilasi/Susunan:**

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

**Reka Letak/Kulit luar:**

Khairul Shahrin bin Haji Ghafor

**Penyemak:**

Ramlah binti Md.Nor



# Kampung Batu Apoi pelbagaikan produk 1K1P

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto: Haji Ariffin Mohamad Noor/Morshidi,  
Ihsan MPK Batu Apoi

*13 JANUARI 2018*

**K**REATIVITI penduduk kampung dalam menghasilkan sesuatu produk sememangnya dapat memajukan sesebuah kampung. Kepelbagaian produk kampung yang dihasilkan oleh penduduk kampung itu sendiri dengan tidak hanya bergantung pada satu produk saja akan dapat meningkatkan perekonomian kampung berkenaan. Begitulah yang dipraktikkan oleh sebilangan penduduk Kampung Batu Apoi. Tidak hanya bergantung pada pemprosesan ambulung daripada sagu sebagai produk di bawah Program 1 Kampung 1 Produk (1K1P), penduduk kampung itu memiliki kreativiti tersendiri dengan mempelbagaikan sumber yang sedia ada di kampung berkenaan.

## Sapit ambulung

Ramai dalam kalangan kita yang sudah mengenali makanan tradisi tempatan, iaitu kuih sapit. Makanan jenis kering yang mendapat tempat di hati penggemar makanan tempatan ini diperbuat daripada tepung, gula, santan dan telur. Namun, atas kreativiti Penolong Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Apoi, Dayang Normah binti Ismail, berjaya menghasilkan sapit ambulung sebagai aliran daripada produk kampung berkenaan.

Menurut Dayang Normah, penglibatan beliau dalam menghasilkan sapit ambulung bermula dengan mengusahakan penghasilan kuih sapit biasa sejak tiga tahun lalu. Atas saranan Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Haji Masri, beliau telah mempelbagaikan pembuatan kuih sapit tersebut dengan menghasilkan kuih sapit yang diperbuat daripada sagu. Dengan itu muncullah satu lagi produk kampung, iaitu kuih sapit ambulung.



*ANTARA produk kampung yang dihasilkan daripada ambulung.*

## **Pasaran dan sambutan**

Dayang Normah menjelaskan, beliau memasarkan sapit ambulungnya itu di kedai kampung yang terletak di Pekan Bangar, selain mempromosikannya dengan mengikuti ekspo-ekspo jualan baik di Daerah Temburong mahupun di daerah-daerah lain. Lawatan-lawatan dari daerah luar ke Kampung Batu Apoi juga menjadi satu platform buat Dayang Normah untuk mempromosikan sapit ambulung MPK Batu Apoi, di mana ketika lawatan dibuat, penduduk kampung akan mengambil peluang mempamerkan produk-produk masing-masing.

Sambutan ataupun permintaan daripada para pelanggan terhadap sapit ambulung yang dihasilkannya adalah memberangsangkan. Dayang Normah sering menerima tempahan daripada orang ramai khususnya untuk dijadikan cenderahati semasa berlangsungnya sesuatu acara. Dengan penghasilan sapit ambulung ini setentunya akan dapat menambah pendapatan Dayang Normah yang sebelum ini juga berjaya menghasilkan beberapa jenis biskut ambulung.

## **Kubal ambulung**

Selain sapit ambulung, satu lagi produk aliran MPK Batu Apoi ialah pembuatan kubal. Tahukah biskuita apa yang dimaksudkan dengan kubal? Secara ringkasnya, kubal merupakan makanan tradisional yang sering dimakan bersama buah pisang. Hampir serupa dengan sesagun, kubal agak kasar sedikit jika dibandingkan dengan sesagun, namun proses pembuatannya tidak jauh berbeza, iaitu dengan menggunakan tepung beras.

Namun, kubal yang dihasilkan oleh Penolong Ketua Kebajikan dan Kemasyarakatan MPK Batu Apoi, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Nawi ini mempunyai keunikannya tersendiri, iaitu diperbuat daripada sagu yang telah dijemur dan dikeringkan sebelum dikisar menjadi halus hingga terhasilnya tepung sagu.

Menurut Dayang Hajah Fatimah, sagu untuk membuat kubal ambulung MPK Batu Apoi itu diperolehi dari MPK itu sendiri yang sememangnya mempunyai produk pembuatan ambulung. Katanya lagi, beliau mempelajari membuat kubal dari kedua orang tuanya, manakala perusahaan membuat kubal ambulung pula bermula sejak kampung berkenaan aktif dengan pemprosesan ambulung yang menjadi produk MPK Batu Apoi, iaitu sejak tahun 2013 lagi.

Dayang Hajah Fatimah menjelaskan, beliau terlibat dalam penghasilan membuat kupal ini antara lain dengan tujuan untuk menambah sedikit pendapatan sampingan selain untuk *m e n g e m b a n g l u a s k a n* produk kampung. Katanya lagi sambutan orang ramai terhadap kupal ambulung ini adalah menggalakkan, di mana beliau menerima tempahan bukan hanya daripada para pelanggan di Daerah Temburong malahan juga menerima tempahan dan permintaan daripada penggemar kupal dari luar daerah ini.

Penghasilan produk-produk aliran dengan menggunakan sumber semula jadi yang sedia ada setentunya akan memberi impak terhadap sumber berkenaan. Dengan penggunaan berterusan terhadap pokok-pokok rumbia bagi menghasilkan ambulung dan produk-produk lainnya akan menjadikan bekalan daripada sumber alam


semula jadi itu pupus dengan cepat dari yang dijangkakan. Oleh itu, kebijaksanaan para penduduk kampung dalam menangani isu tersebut hendaklah diambil perhatian serius agar penghasilan produk-produk ambulung dan alirannya akan dapat berdaya tahan.



*SEBAHAGIAN produk yang dihasilkan oleh MPK Batu Apoi dalam menjana ekonomi Pengusaha Kecil dan Sederhana (atas dan bawah).*







# Kampung Padnunok hasilkan kraf tangan unik, menarik

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim  
Foto: Jabatan Penerangan

*10 FEBRUARI 2018*



*WASAI Batu Mapan masih bertahan dengan keindahan alam semula jadinya dengan kesegaran udara, air yang jernih lagi sejuk.*

**D**AERAH Tutong, seperti daerah-daerah yang lain, juga mempunyai beberapa tempat menarik yang dikenali sebagai tempat industri pelancongan seperti Tasek Merimbun terletak di Ulu Tutong, Pantai Seri Kenangan di Kuala Tutong, Taman Rekreasi Sungai Basong di Bukit Bendera dan beberapa kawasan baharu yang sedang dikembangmajukan seperti Wasai Batu Mapan di Kampung Padnunok, Mukim Kiudang.

Rekreasi Wasai Batu Mapan, merupakan sebuah kawasan alam semula jadi yang kaya dengan flora dan fauna dan keadaannya yang damai, dikelilingi oleh pokok kayu, bukit dan juga keadaan suasananya yang mendung, maka sesuai untuk dijadikan tempat beriadah, di samping aktiviti perekonomian dan pelancongan alam semula jadi.

Bagi mengekalkan potensi taman rekreasi tersebut, beberapa kemudahan asas telah dibina seperti lapan buah rumah, dua buah pondok rehat, sebuah pentas mini, sebuah pondok kawalan dan sebuah tandas awam, enam buah bangku dan satu tugu peringatan yang melambangkan tiga tiang berkonsepkan tiga masyarakat penduduk Kampung Padnunok iaitu Melayu Tutong, Melayu Dusun dan masyarakat Cina.

## Produk kraf tangan

Dalam tinjauan penulis, masyarakat penduduk Kampung Padnunok sememangnya terkenal dengan hasil kraf tangan yang unik dan menarik terutamanya yang dihasilkan daripada bahan alam semula jadi dan bahan buangan seperti topi, bakul dan sebagainya.

Menurut Awang Burut bin Panggu, salah seorang ahli Majlis Perundingan Kampung Padnunok, Mukim Kiudang, penduduk kampung ini telah menghasilkan pelbagai kraf tangan iaitu topi, bakul, takiding dan sebagainya dengan menggunakan bahan buangan seperti kertas, plastik dan bahan daripada alam semula jadi seperti rotan dan jenis rumput yang digelar buyut-buyut untuk menghasilkan topi sama ada yang bersaiz besar dan kecil.

Menurutnya, beliau bersama isterinya telah menyertai Ekspo Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, pada 1 hingga 5 November 2017 menjelaskan, hasil kraf tangan yang selalu ditempah oleh pelanggan ialah bakul kecil yang digunakan untuk menyimpan telur bagi cenderamata untuk majlis-majlis seperti majlis perkahwinan.

“Setiap bakul kecil berharga BND3.00 sebiji dan jika pelanggan memerlukan lebih 100 biji ke atas, potongan harga akan diberikan. Kalau tempahan untuk bakul kecil yang melebihi 100 biji, kami boleh menyiapkan dalam masa dua minggu,” terangnya.



***KEHALUSAN dan kesempurnaan kraf tangan yang dihasilkan melambangkan kemahiran dan keunikan sesebuah kampung.***




*AWANG Burut bin Panggu dan isteri menjadikan hasil kraf tangan sebagai sumber pendapatan dan menyertai Ekspo Jualan Satu Kampung Satu Produk untuk mengembangkan lagi usaha kraf tangan beliau dengan lebih jauh lagi.*

Menurut beliau lagi, permintaan ke atas penghasilan kraf tangan adalah cukup menggalakkan khususnya permintaan dalam negeri, terutama pada musim perayaan. Kraf tangan yang dihasilkan sejauh ini, belum pernah untuk diperkembangkan ke luar negara, bagaimanapun, hasil kraf tangan kampung turut dipamerkan di Muzium Alat-Alat Kebesaran Diraja dengan kerjasama Pejabat Daerah Tutong.

Katanya lagi, beliau dan penduduk kampung mempelajari kemahiran membuat kraf tangan itu adalah hasil daripada pemerhatian proses menghasilkan kraf tangan yang dilakukan oleh orang tua-tua di kampung berkenaan. Secara tidak langsung beliau mempunyai minat dan mencuba mempelajari sehingga mahir membuat kraf tangan berkenaan hampir 10 tahun. Beliau menjadikan kemahiran itu sebagai salah satu kerja sambilan, di samping mengusahakan kebun pertanian dan buah-buahan.

Beliau yang sudah berusia lebih 60 tahun, berharap usaha yang dilakukan itu akan dapat terus bertahan dalam jangka masa yang panjang. Dalam hubungan ini, beliau menyeru kepada para belia di negara ini akan dapat mewarisi dan mempelajari kemahiran kraf tangan daripada hilang ditelan zaman, kerana kemahiran kraf tangan kitani mempunyai nilai yang sangat tinggi.

Kampung Padnunok mempunyai keramaian jumlah penduduk lebih kurang 700 orang, terdiri daripada bangsa Melayu, Dusun dan juga Cina.



# Usahawan Kampung Putat martabatkan warisan seni ukiran kayu

Oleh: Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto: Jabatan Penerangan

*24 FEBRUARI 2018*

**D**ALAM menghasilkan satu-satu kraf tangan atau pertukangan hiasan ia memerlukan bakat juga kepakaran yang khusus.

Seperti yang kita sedia maklum pada kebiasaannya pertukangan tangan lebih banyak dilakukan oleh warga emas atau orang-orang tua yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan atau sudah bersara dan kini zaman sekarang pertukangan tangan yang dihasilkan daripada bahan alami kian berkurangan dipraktikkan terutamanya dalam kalangan belia.

“Sebenarnya melibatkan diri dalam perusahaan tangan atau kraf tangan sememangnya banyak mendatangkan hasil dan manfaat terutama sekali jika ia disasarkan kepada anak-anak remaja atau belia kerana ia mampu untuk mengisi masa terluang mereka dan menghindarkan diri mereka daripada terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Kerana itu, saya lebih menegaskan anak-anak saya untuk lebih mempraktikkan diri mereka di dalam pembuatan kraf tangan yang diperbuat daripada kayu-kayuan yang ada di hutan negara kita sebagai mengisi masa lapang, sekali gus dapat dijadikan pendapatan sampingan mereka,” jelas Awang Haji Junggal bin Haji Jumat.

Jelas Awang Haji Junggal salah seorang pengusaha dari Majlis Perundingan Kampung Putat yang memiliki 18 anak selanjutnya menjelaskan, yang mana selain mengajar mereka cara-cara bertukang dan membentuk satu-satu hiasan yang diperbuat daripada kayu, mereka ini juga diajar dalam mengenali jenis kayu yang bersesuaian untuk dijadikan hiasan kerana tidak semua kayu tersebut bersesuaian untuk dijadikan hiasan.



*AWANG Haji Junggal bersama salah seorang anak belia yang juga berminat dalam perusahaan kraf tangan.*

Jika dulu ujar beliau, beliau sering membawa anak-anak memasuki hutan untuk memperkenalkan mereka mengenali jenis-jenis kayu dan tumbuh-tumbuhan yang berguna dan bersesuaian untuk dibuat menjadi sesuatu kraf tangan dan juga ubat-ubatan, tetapi memandangkan usia yang sudah meningkat aktiviti memasuki hutan tidak lagi dilakukan.

“Sejak di usia muda lagi saya sudah diperkenalkan dan didedahkan oleh orang tua saya mengenali pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan kayu-kayuan yang berguna dan boleh dimanfaatkan khasiat serta kebaikannya,” tambahnya.

Menurutnya lagi, untuk mendapatkan jenis kayu yang diperlukan untuk membuat sudu, gegawi, parang dan sebagainya ada kalanya kayu-kayu berkenaan dibeli daripada orang yang memang pakar dan arif tentang jenis kayu yang berkualiti dan kebanyakannya dibeli dari Daerah Temburong.

Sejak tahun 2004 melibatkan diri dalam dunia pembuatan kraf tangan seperti parang, sarung pemarang, sudu, gegawi, gasing hiasan dan sebagainya, kini Awang Haji Junggal sudah banyak menghasilkan pelbagai kraf tangan beliau sendiri dan dibantu oleh anak-anak beliau, malahan hasil kerja tangan beliau dan anak-anak juga sudah banyak terjual dan dibeli oleh orang tempatan serta para pelancong dari luar negara.

*RANTAI kunci (keychain) pelbagai bentuk hasil buatan Awang Haji Junggal dan anak-anaknya.*



“Walaupun tidak mempunyai kedai khusus untuk menjual hasil tukang tangan kami anak-beranak hanya menjualnya dari rumah serta apabila mengikuti ekspo-ekspo yang dianjurkan di dalam negeri namun sambutan yang diberikan cukup menggalakkan dan sekali gus memberi semangat yang kuat untuk kami anak-beranak meneruskan legasi pembuatan kraf tangan kami ini, bahkan anak-anak saya sendiri kini kian berminat dalam menghasilkan pertukangan tangan yang dipraktikkan setiap hari, memandangkan anak perempuan saya belum mempunyai mana-mana pekerjaan



*AWANG Haji Junggal bin Haji Jumat memperkenalkan beberapa produk beliau semasa menerima pengunjung dari negara jiran.*

tetap, jadi membuat pertukangan kraf tangan merupakan pekerjaan hariannya,” ujar beliau.

“Seni ukir dan kraf tangan ini sangat bernilai dan kita seharusnya perlu memastikan warisan berzaman ini diwarisi oleh generasi masa kini,” katanya yang kini warisan kraf tangan dituruni oleh anak-anak beliau dalam membantu menghasilkan seni ukiran kayu yang ditempah mahupun untuk dijual.


Dalam menaikkan martabat dan warisan seni ukiran kayu daripada luput ditelan zaman, beliau juga turut menyarankan agar belia-belia di luar sana cuba untuk berjinak-jinak mempelajari seni kraf tangan ini sebagaimana beliau sendiri tidak pernah merasa puas memberikan galakan kepada generasi muda terutamanya kepada anak-anak beliau untuk turut serta menceburkan diri dalam seni ukiran kayu.

“Kini masyarakat kurang memberi penghargaan kepada seni ukiran kayu, malah mereka kurang menitikberatkan produk yang dihasilkan oleh anak tempatan.

Kebanyakan masyarakat tempatan kurang memberi perhatian terhadap produk tempatan terutama hasil ukiran kayu kerana mereka lebih terdorong untuk mendapatkan barangan kraf dari negara luar seperti Indonesia dan Thailand.

Sepatutnya, kita perlu menghargai produk kraf seperti ukiran kayu, yang mana ia menunjukkan identiti kita sebagai rakyat Brunei yang mempunyai nilai sentimental yang tersendiri,” katanya mengakhiri temu bual bersama Pelita Brunei.





# MPK Mentiri tanai visi ke arah memperkasa warga sejahtera, maju dan berpendidikan

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim  
Foto: Jabatan Penerangan

*10 MAC 2018*

## Latar belakang

**S**EBAHAGIAN kampung mempunyai nama-nama yang sangat unik, signifikan dan penuh makna yang diambil bersempena nama tempat, tumbuhan, pokok, buah-buahan, kepahlawanan, ketaatan dan kesetiaan seseorang atau rakyat kepada Raja dan sebagainya.

Begitu halnya dengan Kampung Mentiri yang terletak kira-kira 14 kilometer dari Bandar Seri Begawan dan kira-kira 15 - 20 minit perjalanan menggunakan kenderaan. Nama kampung tersebut dipercayai berasal daripada sepohon kayu yang dinamakan 'Mentiri' sepertimana yang diceritakan oleh mantan Ketua Kampung berkenaan, Awang Haji Diwa bin Rabaha. Menurut beliau, ia berasal daripada sepohon kayu bernama Mentiri yang tumbuh di tengah-tengah kampung berkenaan suatu ketika dulu cuma maksud Mentiri itu tidak diketahui.

Penduduk Kampung Mentiri suatu ketika dulu terdiri daripada puak Kedayan tetapi tidak begitu ramai kerana mereka sering berpindah randah dari satu tempat ke tempat yang lain. Pekerjaan mereka pada masa itu hanyalah berpadi dan berkebun.

Menurut Awang Haji Bujang bin Sabtu, yang merupakan ketua kampung pada masa ini, keramaian penduduk di bawah jagaannya adalah seramai 1,485 orang, iaitu 771 lelaki dan 714 perempuan dengan keluasan kampung 322.69 hektar.

## Infrastruktur

Kampung Mentiri tidak ketinggalan menerima kemudahan infrastruktur sebagaimana kampung-kampung lain di negara ini. Pada tahun 1960-an pihak kerajaan melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara memulakan pembinaan sebuah jalan kecil yang disambungkan dengan Kampung Sungai Besar.

Pada tahun 1968, jalan raya Kampung Mentiri ke Jalan Muara turut dibina dan sejak itulah penduduk kampung berkenaan semakin bertambah di mana jumlah keramaian penduduk ketika itu mencapai 1,121 orang dengan jumlah rumah 186 buah.

Dari tahun ke tahun Kampung Mentiri turut menghadapi arus pembangunan yang semakin pesat dengan penaiktarafan jalan raya, di mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membina Jalan Utama Mentiri yang menghubungkan Bandar Seri

Begawan serta beberapa buah kampung dan kawasan yang setentunya memberikan keselesaan kepada para penduduk kampung berkenaan khususnya dan seluruh rakyat di negara ini umumnya lebih-lebih lagi dengan adanya Rancangan Perumahan Negara di kampung tersebut.

Dengan adanya sistem jalan raya yang selamat dan teratur, ia memberikan impak yang positif terhadap sekitar kawasan-kawasan Kampung Mentiri sama ada dari segi perekonomian dan perindustrian yang berkembang maju dengan terdapatnya beberapa buah pusat dan kompleks membeli-belah, kedai-kedai runcit, bengkel-bengkel perusahaan kereta serta sebuah stesen minyak.

### **MPK Mentiri Ke Arah Memperkasa Kampung**

Ke arah memantapkan kesejahteraan, keamanan, sosial dan kebajikan penduduk kampung, Majlis Perundingan Kampung (MPK) telah ditubuhkan di bawah kepimpinan Awang Haji Bujang yang mula bertugas sebagai ketua kampung pada 15 Mei 2008.

Ke arah menanai visinya ‘Bersatu menjadikan Kampung Mentiri untuk sejahtera, maju dan berpendidikan duniawi dan ukhrawi, berlandaskan iman dan takwa’, ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik bergerak aktif dalam menggerakkan jentera dengan penyediaan program dan aktiviti-aktiviti yang mendasari bidang keagamaan, pendidikan berdasarkan Melayu Islam Beraja (MIB), meningkatkan bidang pendidikan serta taraf hidup dalam kalangan penduduk kampung, meningkatkan sumber daya manusia yang cerdas dan berdaya saing, untuk pembangunan negara yang berpanjangan, menciptakan rasa aman bagi seluruh masyarakat dan menghindari daripada berpuak-puak dan masalah sosial, mewujudkan rasa kebersamaan dan setia kawan serta memberikan pelayanan kepada masyarakat yang baik dan berkualiti, dan menjaga dan memelihara nilai, moral dan budaya masyarakat kampung yang tinggi serta memelihara kedaulatan negara dan taat kepada Allah dan Raja dengan menjaga keharmonian dan keselamatan kampung berkenaan daripada perkara-perkara yang tidak sihat dan tidak diingini.

### **Gerai Jualan Bulanan**

Selain bergiat aktif dalam kemasyarakatan, MPK Mentiri juga turut bergiat aktif dalam meningkatkan pendapatan dan sara hidup penduduk kampung melalui aktiviti-aktiviti perekonomian seperti penjualan pasu bunga, penjualan hasil pertanian,



***GERAI jualan bulanan beroperasi setiap hujung bulan dengan menyediakan pelbagai jualan masakan, kuih-muih, hasil tangkapan laut, sayur-sayuran dan sebagainya.***

penjualan anyaman, pertukangan kayu, pemeliharaan ikan dalam sangkar, dan aktiviti gerai jualan bulanan.

Daripada aktiviti-aktiviti perekonomian yang dilaksanakan oleh MPK, aktiviti jualan bulanan adalah merupakan aktiviti semakin giat dilaksanakan dan diusahakan, di mana setiap penghujung bulan, aktiviti gerai jualan bulanan ini akan diadakan di kawasan lapang taman riadah kampung tersebut.

Pelbagai jualan dalam bentuk tumbuhan, tanaman, buah-buahan, sayur-sayuran, hasil kraf tangan dan juga beberapa hidangan yang sudah dimasak dan juga mentah hasil daripada laut seperti ikan, udang yang segar, kerang-kerangan dan sebagainya turut dijual di sana.



***BAGI mengisi dan memeriahkan suasana gerai jualan hujung bulan, pelbagai acara untuk kanak-kanak, remaja dan orang dewasa serta warga emas turut diadakan.***

Selain itu, beberapa aktiviti sukan turut diadakan bagi memeriahkan gerai jualan hujung bulan seperti sukan dan aktiviti mewarna bagi kanak-kanak dan dewasa dan banyak lagi. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke gerai jualan bulanan kerana kunjungan orang ramai akan berasa berbaloi dengan pelbagai jualan yang dijual di gerai berkenaan bermula 8.00 pagi sehingga petang.

## Masakan Tradisi

Biro Wanita MPK Mentiri juga bergiat aktif dan memiliki kemahiran dalam masakan tradisi. Mereka tidak ketinggalan untuk turut sama menyertai Program Selera Kampung Kitani (SKK) anjuran Jabatan Penerangan dengan menampilkan beberapa masakan kampung antaranya ialah budu tibadak, kunau masak kunyit, ikan masin cili padi, daging masak kunyit, gulaian pucuk ubi masak lemak, gulaian batang/tajak pisang, gulaian tibadak dan kuih-muih.

## Riadah dan Mendaki Bukit


Bagi mereka yang bergiat aktif dalam larian dan mendaki bukit serta aktiviti tahan lasak, Kampung Mentiri juga memiliki sebuah kawasan iaitu Bukit Mentiri yang dijadikan dan telah digunakan bagi menjalankan aktiviti riadah dan mendaki bukit yang dibuka beberapa tahun yang lalu.

Pada tahun 2008, MPK telah menganjurkan sukan Cabaran Mendaki Bukit Mentiri dengan penyertaan kira-kira 150 orang yang disempenakan dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24 yang antara lain bertujuan menggalakkan orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat dengan bersukan. Bagi mereka yang ingin mencubanya bolehlah memilih laluan-laluan yang terdapat di



*KEMAHIRAN kraf tangan yang dihasilkan oleh penduduk kampung untuk dijual kepada pengunjung sebagai sumber pendapatan mereka.*

bukit berkenaan, iaitu laluan sejauh 2.8km dan 3.7km dengan mendaki beberapa bukit yang ditumbuhi oleh flora dan fauna dan mengekalkan alam semula jadi yang masih asli. Orang ramai yang ingin berkunjung ke Bukit Mentiri adalah dialu-alukan dan dinasihatkan untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak MPK terlebih dahulu untuk aspek-aspek keselamatan.



# Hasilkan produk kesihatan, kecantikan hasil ternakan kelulut

Oleh: Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto: Ak. Jefferi Pg. Durahman,  
Ihsan Awang Haji Kariya Haji Sulong

*24 MAC 2018*

**N**EGARA Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai sumber hasil semula jadi yang dapat dimanfaatkan oleh pengguna antaranya ialah madu lebah yang digunakan sejak dahulu lagi.

Melalui pelbagai kajian dibuat sama ada dalam atau luar negara, madu lebah dilaporkan mempunyai khasiat yang amat besar untuk merawat pelbagai penyakit. Di negara ini, terdapat beberapa spesies lebah yang menghasilkan madu melalui ternakan semula jadi atau secara komersial seperti lebah tualang, lebah melliferra dan yang terbaharu lebah kelulut iaitu lebah bersaiz kecil dan tidak menyengat seperti lebah lainnya bahkan lebah kelulut ini mudah ditenak dan dikendalikan serta memberi pulangan yang tinggi.

Kampung Katimahar juga tidak ketinggalan dalam menghasilkan produknya tersendiri dan di antaranya ialah penghasilan produk daripada pemeliharaan lebah kelulut.

## **Latar belakang**

Kampung Katimahar mempunyai keluasan 5.3874 kilometer persegi mempunyai bilangan penduduk lebih 800 orang di bawah pimpinan Awang Haji Safar bin Abd. Rahman sebagai Ketua Kampung sejak 1 Ogos 1998.

## **Perusahaan anak tempatan**

Salah satu syarikat yang dijalankan oleh anak tempatan yang bermastautin di kampung ini ialah KZ Meliponines Paradise Enterprise yang telah didaftarkan pada 15 September 2016. Syarikat ini dimiliki oleh Awang Haji Kariya bin Haji Sulong, 58 tahun yang dahulunya bekas seorang Pegawai Pertanian Kanan, sementara isterinya, Dayang Hajah Zeliha binti Haji Abd. Rahman, 52 tahun suri rumah sepenuh masa bermastautin di Kampung Katimahar mengusahakan perusahaan mereka ini secara sepenuh masa.

Seperti yang kita lihat, KZ Meliponines Paradise Enterprise lebih banyak menghasilkan produk-produk berasaskan daripada madu kelulut yang sudah setentunya dihasilkan dan ditenak oleh beliau suami isteri selain sebahagian bahan mentah diperolehi dari luar dan dalam negeri sementara sebahagiannya pula diproses sendiri seperti herba untuk sabun dan madu kelulut.

Menyentuh tentang ternakan madu kelulut ini, ujar Awang Haji Kariya, hasil madu kelulut secara purata adalah 200 gram daripada sarang ternakan setiap bulan dan turut memasarkan tiga jenis madu kelulut dengan khasiatnya yang tersendiri iaitu madu kelulut asli, madu kelulut asli dengan ekstrak habatussauda dan madu kelulut asli dengan ekstrak halia.

Untuk memperkenalkan produk yang dihasilkan, Awang Haji Kariya dan isteri juga kerap mengikuti beberapa ekspo jual-jualan yang diadakan di negara ini seperti ekspo di Pusat Persidangan Antarabangsa, Airport Mall, Dewan Muhibbah, Stadium Tertutup, Petani Mall Tutong, Bandarku Ceria (Bandar Seri Begawan), Ekspo MSME (BRIDEX) dan Pusat Insani Seria.



***PRODUK-PRODUK KZ Meliponines Paradise Enterprise turut dipamerkan pada ekspo-ekspo dalam dan luar negara.***

“Walaupun mengikuti banyak ekspo yang dianjurkan di negara ini namun ia belum mampu menjana keuntungan yang besar kerana hasil pendapatan daripada jualan terpaksa ditolak bagi pembayaran sewa petak jualan,” tambahnya.

Ujarnya, selain mengikuti ekspo yang dianjurkan dalam negeri, mereka juga mengikuti ekspo di luar negara antaranya Ekspo Japan Halal (22-23 November 2016) dan Ekspo China-ASEAN 2017 (CAEXPO 2017), Nanning, China (10-15 September 2017).

Penyertaan di ekspo luar negara banyak memberikan pengalaman di samping berpeluang untuk memperkenalkan produk yang dihasilkan di mana telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutama sekali memperkenalkan madu kelulut yang tidak pernah mereka miliki dan rasai.



Beliau seterusnya menjelaskan, KZ Meliponines Paradise Enterprise berorientasikan perniagaan dan penternakan kelulut di kawasan rumah dan kebanyakan produk yang dihasilkan adalah diilhamkan oleh isteri iaitu Dayang Hajah Zeliha dan apa yang istimewanya semua produk adalah buatan tangan.

Menyentuh tentang bahan-bahan bekalan pula beliau berkata untuk menghasilkan produk-produk tersebut mereka turut mendatangkan mesin yang dibeli dari luar negara, manakala botol-botol dan *sticker* juga diperolehi dari luar negara dan begitu juga dengan bahan mentah ada sebahagiannya diperolehi dari luar juga dalam negeri sendiri sementara sebahagian bahan mentah diproses sendiri seperti herba untuk sabun dan madu kelulut.

“Sehingga kini, KZ Meliponines Paradise Enterprise telah mengeluarkan produk-produk seperti madu kelulut asli, madu kelulut asli campur habbatus sauda, madu kelulut asli campur halia, sabun madu kelulut, sabun propolis kelulut, sabun herba kelulut yang dicampur dengan beras, serai, sirih, kunyit, habbatus sauda, bidara, kopi, lidah buaya dan lemon.



***PRODUK-PRODUK KZ Meliponines Paradise Enterprise turut dipamerkan pada ekspo-ekspo dalam dan luar negara.***

Selain minyak propolis kelulut juga tersedia ialah krim malam propolis kelulut, roti lebah, pencuci muka madu kelulut, lulur propolis kelulut, haruman yang berbentuk *solid perfume* madu kelulut, *lip balm* madu kelulut, *lip gloss* madu kelulut, *lotion* avacado madu kelulut, syampu madu kelulut, *shower gel* madu kelulut, serum muka madu kelulut dan juga krim asas (*base cream*) yang juga dihasilkan daripada madu kelulut,” terangnya.


Tambahnya, madu lebah kelulut tidak pekat atau cair selain mempunyai kandungan air yang tinggi berbanding madu lebah lain.

Walaupun tidak mempunyai kedai kekal untuk penjualan produk mereka ini namun yang jelas sambutan yang diberikan daripada orang ramai terutamanya yang sudah mengetahui rahsia dan kebaikan yang ada pada madu kelulut ini pastinya amat memberangsangkan. Sambutan dan maklum balas daripada pembeli adalah menggalakkan dan ini menyuntik lagi semangat mereka suami isteri untuk lebih berusaha ke hadapannya. Ada juga pelanggan yang berkunjung sendiri ke galeri jualan kami di Kampung Katimahar untuk mendapatkan bekalan dan stok mereka.

“Walaupun sambutan yang diberikan amat menggalakkan namun cabaran yang diterima tidak dapat kita hindari kerana cabaran ini jugalah menjadi pendorong kami untuk terus maju dan terus mempertingkatkan mutu produk kami ini untuk kebaikan pengguna dan kita selaku pengeluar produk ini sendiri apa yang penting adalah mewujudkan kesedaran bahawa produk kami telah ada dalam pasaran, bukan itu sahaja bahkan cabaran yang kami hadapi adalah dari segi kos mempromosikan produk-produk tersebut yang sangat tinggi di mana kami juga terpaksa menyewa petak-petak jualan bagi tujuan mempromosikan keluaran syarikat,” jelas beliau.

“Walaupun terpaksa bersaing dengan produk yang didatangkan dari luar negara terutamanya produk yang belum mendapat kelulusan untuk dijual di Negara Brunei Darussalam namun itu tidak sedikit pun mematahkan semangat kami suami isteri untuk terus memperjuangkan produk tempatan negara sendiri,” ujar Awang Haji Kariya.

Untuk perancangan pada masa hadapan, Awang Haji Kariya dan isterinya akan terus meningkatkan pengeluaran produk mereka dan membekalkannya ke gedung-gedung perniagaan di negara ini dan mencuba untuk menembusi pasaran global.



# Keistimewaan Kampung Kapok gamit pengunjung

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
Foto: Jabatan Penerangan

*7 APRIL 2018*



*INILAH legenda bersejarah Kampung Kapok iaitu kisah Gua Harimau.*

**K**AMPUNG Kapok terkenal dengan keindahannya bukan sahaja pada suasana kampung yang aman damai, tetapi kisah-kisah legenda yang tersembunyi di sebaliknya apatah lagi pada masa ini ia dijadikan sebagai salah satu lokasi pelancongan yang menarik seperti terbinanya Taman Riadah Bukit Tempayan Pisang yang juga dijadikan sebagai tempat beriadah di kampung berkenaan.

Bagi keselesaan para pengunjungnya, beberapa kemudahan juga dibina termasuk laluan pejalan kaki dan laluan konkrit, kawasan letak kereta dan tandas awam. Dengan adanya pembisaian dan penyediaan kemudahan-kemudahan awam di taman riadah berkenaan, ia akan menonjolkan lagi Kampung Kapok sebagai salah satu kampung yang mempunyai tarikan dan keistimewaan tersendiri dan dapat dijadikan sebagai salah satu destinasi eko-pelancongan untuk kunjungan pelancong dalam dan luar negeri.

Kemudahan perjalanan yang disediakan memudahkan dan membolehkan para pengunjung menikmati keindahan pemandangan di sekitarnya saujana mata memandang sambil menghirup udara segar.

## Latar belakang

Kampung Kapok adalah sebuah kampung yang terletak di antara Bukit Tempayan Pisang dengan Laut China Selatan kira-kira 23 kilometer dari Bandar Seri Begawan dan 4 kilometer dari Pekan Muara yang mempunyai keluasan 487.67 hektar.

Ia terbahagi kepada dua kawasan oleh jalan dari Bandar Seri Begawan ke Muara, iaitu, kiri dan kanan dalam pentadbiran Mukim Serasa, yang mana ia merupakan jalan yang mula-mula dibuat oleh kerajaan ketika itu untuk kemudahan penduduk mukim ini berulang-alik ke Bandar Seri Begawan sama ada untuk menjalankan tugas atau urusan-urusan persendirian.

Dengan keramaian penduduk hampir 5,000 orang yang terdiri daripada pelbagai puak dan agama termasuk penduduk asal kampung ini yang terdiri daripada puak Melayu Kedayan dan ramai di antara mereka ini mempunyai hubungan kekeluargaan.

Dari segi kebudayaan masyarakat di Kampung Kapok pada masa sekarang mengalami perubahan yang begitu ketara dalam pelbagai sudut, termasuklah adat tradisional yang diamalkan seharian dan juga kepercayaan dalam setiap masyarakat ini.

Begitu juga dengan aktiviti ekonomi di Kampung Kapok yang mengalami perubahan mengikut arus kemodenan, urbanisasi dan globalisasi. Walau bagaimanapun, masyarakat kampung tetap mengusahakan aktiviti perekonomian bagi



***PRODUK*** kerepek pisang rangup dan sedap merupakan produk terkenal di Kampung Kapok.



*KAUM wanita sedang mengusahakan produk kerepek pisang pelbagai rasa.*

menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan hasil produk tempatan. Selain itu, produk yang ada masa ini perlu dikekalkan dan perlu diperkembangkan lagi agar ia dapat membantu mengekalkan warisan yang ada di kampung tersebut terutamanya dari segi adat warisan kebudayaan puak Melayu Kedayan.

Di bawah pentadbiran ketua kampung sekarang, kampung ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Kapok Kanan, Kapok Kiri dan Meragang, Pengalayan dan Bukit Kebun. Pembahagian ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengendalian dalam pentadbiran ketua kampung merancang dan membuat aktiviti-aktiviti kampung.

## **Asal usul Kampung Kapok**

Secara keseluruhan, Kampung Kapok adalah sebuah kampung yang amat unik kerana sejarahnya. Menurut cerita beberapa warga emas yang ditemui, Kampung Kapok berasal daripada kisah legenda di mana terdapat satu tempat yang mempunyai sebuah pokok kapok besar dikelilingi pokok-pokok kapok yang kecil. Pokok kapok yang besar ini sering dikunjungi oleh para penduduk sekitarnya bagi mendapatkan buah pokok tersebut untuk dijadikan isi bantal. Kerana pokok kapok besar ini sering

dikunjungi, para pengunjung yang datang dan pergi bersua di jalanan dan bertanya, “Kamu dari mana?” Rata-rata daripada mereka menjawab, “dari kapok.” Oleh kerana kebiasaan jawapan “dari kapok” itu maka terciptalah sebuah kampung yang diberi nama Kampung Kapok.


Alhamdulillah, usaha sama daripada MPK Kapok bagi mengekalkan sejarah pengambilan nama kampung ini telah dilaksanakan. Beberapa anak pokok kapok ditanam di beberapa tempat strategik. InsyaaAllah dalam masa 10-15 tahun akan datang, kita akan sama-sama melihat pokok-pokok kapok di sepanjang jalan Kampung Kapok dan di beberapa buah rumah yang pada masa ini menanam anak pokok tersebut.

## **1K1P**

MPK Kapok mula bergiat aktif pada tahun 2012 sebagai menyahut seruan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ke arah mengembangkan dan mempergiatkan lagi penglibatan penduduk kampung.

Taman riadah ini merupakan salah satu usaha daripada MPK berkenaan dan para penduduk kampung untuk menghasilkan produk untuk diangkat dan ditonjolkan kepada orang ramai melalui inisiatif ‘Satu Kampung Satu Produk’ (1K1P) yang setentunya dapat memperkembangkan lagi perekonomian para penduduk kampung.

MPK Kapok menggunakan kaedah perniagaan secara dalam talian melalui *Facebook* dan sebagainya dengan menghasilkan kerepek pisang sehingga mereka berjaya menghasilkan lima perisa kerepek pisang merangkumi perisa kopi, pandan, milo, jagung dan durian dan pada tahun 2016, MPK Kapok menambah lagi dua perisa baharu, iaitu strawberi dan nangka. Selain itu, MPK Kapok juga menghasilkan agar-agar kering, kuih cacah, bahu dan sebagainya yang juga menjadi tarikan pelancong untuk dijadikan buah tangan.



# Raih manfaat daripada pertumbuhan infrastruktur

Oleh: Noriah Haji Abdul Hamid  
Foto: Jabatan Penerangan

*21 APRIL 2018*



**P**ADA keluaran kali ini, Pelita Brunei berkesempatan berkunjung ke Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong serta Kampung Serasa dan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Perpindahan Serasa.

Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong terletak di hujung Timur Brunei dan di Utara Laut China Selatan. Kampung Masjid Lama mempunyai keluasan 0.3963 kilometer persegi, Kampung Sabun pula kira-kira 1.7442 kilometer persegi, sementara Pekan Muara berkeluasan 2.870 kilometer persegi dan didiami oleh 4,158 penduduk terdiri daripada 2,253 orang lelaki dan 1,905 perempuan ditadbir oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman@Othman, selaku Ketua Kampung.

Manakala Kampung Serasa dan RPN Serasa pula mempunyai keluasan 6.6911 kilometer persegi dengan keramaian penduduk 2,934 di bawah pimpinan Awang Haji Hassan bin Haji Jeruddin sebagai Ketua Kampung sejak 11 Mei 1999.

Penduduk di kampung-kampung tersebut terdiri daripada pelbagai bangsa dan puak seperti puak Melayu, puak Kedayan, bangsa Cina dan lain-lain yang hidup dalam rukun damai dan harmoni.

## **Perkembangan dan kemudahan prasarana**

Dewasa ini pembangunan di kawasan Serasa dan Muara kian pesat membangun lebih-lebih lagi dengan adanya Projek Pembinaan Jambatan Temburong yang mempunyai kepanjangan kira-kira 30 kilometer merentasi Teluk Brunei sebagai penghubung pada Jalan Utama Mentiri di Daerah Brunei dan Muara dengan Jalan Labu Estet di Daerah Temburong. Projek ini dijangka siap tahun 2019 dan merupakan salah satu projek kebangsaan terbesar.

Juga terbina, jambatan penghubung sepanjang kira-kira 2.7 kilometer ke Pulau Muara Besar, di mana kini bertapaknya Kilang Penapisan Minyak dan Aromatik bersepadu Hengyi Industries Sdn. Bhd. yang merupakan satu Pelaburan Langsung Asing (FDI) tunggal terbesar Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya projek mega tersebut, setentunya mendatangkan manfaat yang besar kepada para penduduk di Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong serta Kampung Serasa dan RPN Perpindahan Serasa dan sekitarnya serta Negara Brunei Darussalam, di mana ia boleh meningkatkan sosioekonomi setempat dan sekitarnya serta membuka banyak peluang pekerjaan.



***JUGA terbina, jambatan penghubung sepanjang kira-kira 2.7 kilometer ke Pulau Muara Besar, di mana kini bertapaknya Kilang Penapisan Minyak dan Aromatik bersepadu Hengyi Industries Sdn. Bhd. yang merupakan satu Pelaburan Langsung Asing (FDI) tunggal terbesar di Negara Brunei Darussalam.***

Pantai Peranginan Serasa merupakan salah satu pantai rekreasi yang menarik sejak dahulu lagi. Bagi mereka yang ingin merehatkan fikiran setelah seharian penat bekerja adalah sesuai untuk berkelah bersama keluarga ataupun kawan-kawan sambil menghirup udara segar angin laut sambil menyaksikan keindahan matahari terbenam di ufuk Barat atau menyaksikan ahli *Royal Yacht Club* mengemudi perahu layar mereka.

Pantai Peranginan Serasa dinaik taraf pada tahun 2014 sebagai destinasi riadah yang mempunyai alam persekitaran yang bersih, indah, selamat dan teratur. Penyediaan gerai jualan makanan, surau kecil serta taman permainan kanak-kanak dan trek jogging adalah antara kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk keselesaan para pengunjung. Sebagai imbalannya, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita semua untuk menjaga dan memeliharanya dengan sempurna dari aktiviti pemugut dan kekotoran.

Di pantai ini juga berlangsungnya Pesta Pantai sejak dahulu lagi dengan menghadirkan pelbagai acara yang menarik ribuan pengunjung. Aktiviti sukan air seperti perlumbaan bot laju turut diadakan di Kompleks Sukan Air, Pantai Serasa bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Sambutan Jubli Emas Baginda Menaiki Takhta pada 5 Oktober 2017 lepas, Perlumbaan MTB Beach Race, perlawanan lumba perahu dan sebagainya.

Terdapat juga Pelabuhan Muara yang banyak mengalami perubahan mengikut keperluan semasa; Terminal Feri Serasa untuk para penumpang keluar masuk ke pelbagai destinasi seperti ke Wilayah Persekutuan, Malaysia, deretan bangunan-bangunan perindustrian di sepanjang Jalan Perusahaan dan lain-lain lagi.

## **Produk kampung**

Dalam usaha untuk mendukung hasrat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk merealisasikan Program 1K1P, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama menghasilkan produk dari sumber laut sesuai dengan lokasi kampung tersebut berdekatan dengan tempat pendaratan kapal dan perahu penangkapan ikan. MPK Masjid Lama mula bergiat aktif sejak lima tahun lalu dengan menghasilkan produk tamban lumai mentah, ikan masin lumai, snek tamban lumai, tahai, keropok lekor lumai dan keropok ikan lumai.

Tetapi produk snek lumai tersebut kurang berjaya memandangkan sumber ikan susah diperolehi. Walau bagaimanapun, menurut Dayang Rokiah binti Haji Matzin, salah seorang Ahli MPK tersebut ketika ditemui oleh wakil Pelita Brunei menjelaskan bahawa mereka kini giat menghasilkan keropok ikan dan keropok udang, di mana produk tersebut turut dipamerkan di China - ASEAN (CAEXPO) Ke-14 di Nanning, China pada 12 September 2017 juga ekspo yang berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah, yang menerima sambutan yang baik. MPK Masjid Lama juga sering kali mengikuti pameran atau ekspo yang diadakan di dalam negara untuk memperkenalkan dan seterusnya memasarkan produk keropok udang dan keropok ikan mereka di pasaran tempatan.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara memberikan peruntukan sejumlah BND42,000 untuk membiayai pembelian mesin membuat keropok. Dengan adanya mesin ini, MPK Masjid Lama mampu menghasilkan 2,500 kotak keropok udang dan keropok ikan sebulan atau kadang-kadang lebih mengikut permintaan pasaran. Jabatan




*MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama menghasilkan produk dari sumber laut sesuai dengan lokasi kampung tersebut berdekatan dengan tempat pendaratan kapal dan perahu penangkapan ikan, di mana MPK itu mampu menghasilkan 2,500 kotak keropok udang dan keropok ikan sebulan atau kadang-kadang lebih mengikut permintaan pasaran.*

Perikanan dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga turut membantu memberikan nasihat dan tunjuk ajar pada pengawalan kualiti produk dan pembungkusan.

Dayang Rokiah menaruh harapan supaya satu masa nanti MPK tersebut akan melahirkan pelbagai produk lain, di samping produk yang sedia ada, yang bukan sahaja mendapat sambutan daripada para pembeli dalam negara malahan berupaya menembusi pasaran global.

Dalam membantu mempromosikan produk-produk 1K1P Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengungkuhkan Ekspo 1K1P Brunei Darussalam 2017 pada 1 November 2017 yang juga sebagai platform memperluaskan lagi pasaran mereka.



# Mukim Bokok bergiat aktif dalam perekonomian dan ekopelancongan

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim  
Foto: Jabatan Penerangan

*5 MEI 2018*

**M**UKIM Bokok merupakan mukim keempat terbesar daripada lima mukim yang terdapat di Daerah Temburong dengan keluasan 136 kilometer persegi bersamaan 52.5 batu persegi (14,616 hektar) dan mempunyai sebanyak 17 buah kampung di dalamnya. Menurut statistik perangkaan yang disediakan oleh penghulu mukim, jumlah penduduk mengikut bangsa secara keseluruhannya terdiri daripada bangsa Melayu seramai 2,746 orang, puak Murut 55 orang, puak Iban 688 orang, bangsa Cina 20 orang dan diikuti oleh lain-lain bangsa/puak iaitu 68 orang.

Mukim Bokok di bawah pimpinan Penghulu Mukim, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN). Yang Berhormat dilantik menjadi Penghulu Mukim Bokok pada April 2009 dan sebagai Ahli MMN pada 13 Januari 2017.

Kedudukan Mukim Bokok berada di kawasan sebelah Selatan dan Tenggara Daerah Temburong dan dipisahkan dengan Daerah Limbang (Bahagian Kelima Sarawak) oleh Sungai Pendaruan. Untuk sampai ke Mukim Bokok ini boleh melalui darat dan sungai (Sungai Pendaruan).

***REPLIKA Udang Galah menjadi mercu tanda hiasan landskap kawasan pondok memancing Kampung Belais dan Buda-Buda.***





*PONDOK memancing memberikan keselesaan kepada pengunjung untuk bersantai sambil memancing.*

## **Asal usul nama Mukim Bokok**

Mukim Bokok memiliki nama sejarah kenapa ia dipanggil 'Bokok'. Menurut orang-orang tua di kampung berkenaan, terdapat dua cerita mengenai asal usul nama 'Bokok'. Yang pertama berasal daripada sebuah sungai kecil yang kualanya mengalir ke Sungai Rataie yang dinamakan Sungai Bokok. Kedua, berasal dari sejenis siput (takuyung) disebut dalam bahasa Murut takuyung bakak. Kebiasaan orang Melayu menyebutnya Bokok disebabkan bentuknya seperti orang membongkok.

## **Perekonomian**

Keamanan dan keselesaan yang dimiliki oleh Mukim Bokok dan kampung-kampung di bawahnya ditambah lagi dengan keindahan dan kehijauan yang menjadi mercu tanda mukim berkenaan turut menyumbang kepada jolokan Daerah Temburong sebagai 'Permata Hijau'.

Mempunyai pemimpin-pemimpin akar umbi yang berjiwa kental dan semangat yang tinggi ke arah mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan keselesaan, memberi peluang dan ruang kepada penduduk Mukim Bokok untuk mengusahakan dan meningkatkan tahap kehidupan masing-masing dengan cara menjalankan pelbagai kegiatan perekonomian dan ekopelancongan seperti perusahaan pertanian, ternakan binatang, pembuatan kuih-muih, makanan, perusahaan katering, kraf tangan dan mengusahakan *homestay* serta pondok memancing selain berkhidmat dengan pihak kerajaan.

Usaha dan kegiatan ini secara tidak langsung dapat membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak kampung dan juga dapat membantu pihak kerajaan dalam mengatasi masalah pengangguran di negara ini.

Ini terbukti bila mana beberapa buah kampung di Mukim Bokok melalui Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung masing-masing berjaya menjalankan dan mengusahakan beberapa perusahaan termasuk menghasilkan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan sektor pelancongan.

Kampung Belais dan Buda-Buda menghasilkan perusahaan seperti kraf tangan daripada kayu, ternakan ayam pedaging, tanaman kulat, ladang kelompok, kerepek ubi/keladi, pisang, bawang goreng dan ekopelancongan Taman Warisan serta pondok memancing dan riadah.




*ANTARA produk kuih-muih yang dihasilkan oleh MPM Bokok.*



Sementara Kampung Bokok pula menghasilkan makanan tradisi beraneka rasa seperti kuih bahulu dan Sapit beraneka jenis. Selain itu, penduduk Kampung Bokok juga memiliki Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) dengan menghasilkan beberapa jenis pokok buah-buahan tempatan.

Manakala Kampung Rataie pula tidak ketinggalan menghasilkan kraf tangan daripada kayu seperti tongkat, gasing, sarung pemarang, tasbih, cincin dan sebagainya yang dijadikan sebagai cenderamata oleh para pelancong yang berkunjung ke Daerah Temburong. Mereka juga turut menghasilkan kerepek ubi kentang madu, popia madu dan beraneka jenis biskut dan kuih bahulu.

Kampung Lepong Baru yang memiliki keramaian penduduk sejumlah 353 orang juga menghasilkan beberapa perusahaan kraf tangan daripada rotan, sumboi-sumboi dan buluh, pembuatan pemarang dan pisau dan juga menghasilkan kuih jala. Dalam sektor ekopelancongan pula kampung ini juga turut menyediakan dua buah rumah panjang, iaitu Home Stay Taman Sri Kenangan yang bukan hanya untuk pelancong malahan kepada orang ramai yang berminat.



# Kraf tangan Kampung Lumut I punyai nilai estetika tersendiri

Oleh: Noriah Haji Abdul Hamid  
Foto: Jabatan Penerangan

*19 MEI 2018*

## Latar belakang

**K**AMPUNG Lumut 1 berkeluasan 53 kilometer persegi terletak di Pantai Utara Timur, Daerah Belait dan mempunyai keramaian penduduk lebih kurang 4,695 orang. Kampung ini ditadbir oleh Awang Aziz bin Ghani selaku Pemangku Ketua Kampung. Penduduk yang bermastautin di kampung tersebut terdiri daripada berbilang bangsa dan puak, iaitu 3,521 orang puak Melayu Brunei, bangsa Cina 593 orang, 339 orang bangsa Iban dan lain-lain bangsa.

Menurut sumber yang diperolehi daripada Majalah Pusaka terbitan Pusat Sejarah Brunei keluaran September-Disember 2014, nama Kampung Lumut I adalah berasal daripada sejenis tumbuhan yang dinamakan lumut yang tumbuh subur merata tempat di kampung itu (tempat yang dimaksudkan itu sekarang ini menjadi tapak bangunan Syarikat BLNG).

Lumut atau *Bryophyte* adalah sejenis tumbuhan kecil dan lembut berukuran di antara satu hingga 10 sentimeter dan tumbuh di kawasan lembab atau teduh. Penduduk kampung pada masa itu menjadikan tumbuhan lumut berkenaan menjadi kapok untuk dijadikan bantal dan tilam. Tumbuhan ini bukan sahaja menarik perhatian penduduk kampung, malahan orang ramai dari luar daerah dan akhirnya penduduk kampung menggelarkan kampung tersebut sebagai Kampung Lumut.

## Kemudahan prasarana

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memedulikan dan prihatin terhadap kemajuan dan kesejahteraan serta pembangunan rakyat dan penduduknya. Begitu juga Kampung Lumut I tidak ketinggalan dari sama-sama mengecapi kemudahan yang disediakan.

Pada tahun 1970-an Kampung Lumut I diberikan nama julukan sebagai Kampung Industri kerana terdapatnya beberapa buah bangunan industri dan premis komersial di sana. Syarikat BLNG dan Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. merupakan antara sumber utama pada ekonomi negara juga berdiri dengan gahnya di kampung ini. Lain-lain kemudahan adalah seperti Pejabat Pos, Kem Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Batalion Ke-3, Balai Bomba dan Penyelamat, Balai Polis, Sekolah Politeknik dan sekolah-sekolah rendah. Bagi kemudahan orang ramai untuk

menjalankan kegiatan riadah, terdapat Kelab Rekreasi Liang Lumut dan Pantai Lumut.

## **Produk kampung**

Kampung Lumut I seperti mana juga kampung-kampung lain di negara ini bergiat aktif mengunggayahkan produk-produk kampungnya pada menyahut dan mendukung seruan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menjayakan Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Antara produk yang dihasilkan oleh penduduk Kampung Lumut I melalui Majlis Perundingan Kampung ialah kuih-kuih tradisi seperti bahu dan sapit. Mereka ini sering menyertai ekspo-ekspo yang diadakan di negara ini dan pelbagai cenderamata daripada kayu yang juga dipamerkan di ekspo-ekspo antarabangsa luar negara.

Menyentuh mengenai pembuatan kraf tangan ini, wakil Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Awang Haji Sabli bin Haji Omar yang berkecimpung dalam pembuatan kraf tangan daripada kayu-kayuan selama lebih kurang 15 tahun. Beliau pernah



*ANTARA kraf tangan yang dihasilkan oleh Awang Haji Sabli bin Haji Omar yang berkecimpung dalam pembuatan kraf tangan daripada kayu-kayuan selama lebih kurang 15 tahun.*



*ANTARA kraf tangan yang dihasilkan oleh Awang Haji Sabli bin Haji Omar.*

berkhidmat di Syarikat Minyak Brunei Shell selama 36 tahun, iaitu sejak tahun 1965.

Sebaik saja bersara, beliau memulakan perusahaan dalam bidang kraf besi sehingga tahun 2007, tetapi terpaksa menghentikan perusahaan tersebut disebabkan harga bahan-bahan mentah meningkat berikutan harga minyak yang melambung tinggi pada waktu tersebut dan beliau mula beralih pada mengusahakan kraf tangan dari kayu-kayuan.

Dorongan yang kuat ke arah perusahaan ini adalah daripada mantan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Haji Shafie bin Haji Ahmad yang juga bekas Ketua Kampung Lumut I. Beliau sendiri telah membawa Awang Haji Sabli ke Sabah untuk meninjau dan berkongsi idea dengan pengusaha di sana. Mereka telah bertemu dengan seorang pengusaha yang mengusahakan pembuatan gambus dan replikanya, yang mana telah memberikan sumber ilham kepada beliau untuk cuba membuatnya sebagai salah satu produk Kampung Lumut I.

Replika gambus buatan beliau ini telah berjaya menarik minat masyarakat termasuklah Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang telah menempah sebanyak 20 biji untuk galeri mereka. Mereka juga menyarankan supaya beliau untuk membuat replika pelbagai jenis perahu seperti perahu tambang Kampong Ayer,

temuai dan sebagainya memandangkan para pelancong sering mencari cenderamata tersebut.

Walaupun beliau bukan berasal dari Kampong Ayer dan kurang pengetahuan mengenai perahu, namun beliau mencuba untuk membuatnya dan akhirnya berjaya menghasilkan replika perahu lumba dan perahu pemukat yang juga diminati oleh para pembeli.

*Key chain* merupakan produk sampingan daripada 15 ciptaan beliau dan yang terbaharu ialah replika Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. Menyentuh mengenai bahan-bahan kayu, ujar Awang Haji Sabli ia mudah diperolehi di hutan-hutan yang terdapat di negara ini memandangkan Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara hutan hujan tropika, tetapi hendaklah mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan. Beliau juga memperoleh bahan-bahan mentah daripada pokok buangan, iaitu pokok akasia kuning yang ditebang dan buangan bekas tong kayu dari kayu oak. Walau bagaimanapun, beliau juga membeli kayu jenis matang sisik yang memang sesuai untuk membuat replika perahu tambang kerana ia tidak mudah patah dan senang diraut.

Awang Haji Sabli tidak pernah belajar atau mengikuti Kursus Pembuatan Kraf Tangan sebelum ini dan hanya menggunakan daya imaginasi serta kreativiti. Ini ditambah lagi daripada pengalamannya semasa bekerja di Syarikat Minyak Brunei Shell dalam jurusan kimpalan (*welding*) besi. Jangka masa pembuatan produk tergantung pada sesuatu barang seperti gambus dan lain-lain yang boleh disiapkan dalam masa dua ke empat hari, manakala perahu lumba mengambil masa seminggu kerana untuk membuat pengayuhnya adalah sukar disebabkan ukurannya yang kecil.

Menyentuh mengenai harga produk jualannya, Awang Haji Sabli menjelaskan walaupun harganya kelihatan sedikit mahal, tetapi jika pembeli itu seorang pengumpul dan pencinta kraf tangan, mereka tidak akan menghiraukan berapa pun harganya melainkan mereka lebih menilai kualiti seni yang ada pada barangan tersebut. “Apa yang sering pelanggan suarakan ialah tentang kehalusan pembuatannya,” ujar beliau.

Menurutnya, beliau mempunyai teknik tersendiri dalam pembuatan produk-produknya supaya berkualiti tinggi dan mempunyai nilai estetika sebagai warisan bangsa. Bakat beliau ini turut diwarisi oleh salah seorang anaknya tetapi lebih

cenderung mengusahakan pembuatan perabot seperti almari buku, rak kasut dan sebagainya.

Antara harga jualan beliau seperti *key chain* perahu dan lain-lain berharga BND5 kecuali *key chain* daripada biji kembangau berharga BND3 sebiji. Replika Gambus dijual dengan harga BND60 memandangkan pembuatannya memerlukan ketelitian dan sedikit rumit. Produk terbaharu beliau, iaitu Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berharga BND25 dan replika meriam BND40.

Awang Haji Sabli buat pertama kalinya telah menyertai Ekspo Dunia 2010 di Shanghai, China atas pembiayaan pihak BEDB. Ini merupakan peluang keemasan beliau untuk mempamerkan produk-produk yang beliau hasilkan di mata dunia. Pada tahun 2012, sekali lagi beliau berpeluang untuk menyertai pameran di Muscat, Oman melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Selain menerima tempahan dari Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, pengusaha-pengusaha yang pernah bersama beliau menyertai ekspo atau pameran sering juga menempah melalui risalah yang beliau edarkan. Begitu juga guru-guru sekolah dan orang ramai yang datang ke rumah beliau untuk membuat pesanan dan pembelian.

Menyentuh mengenai perancangan beliau masa hadapan, Awang Haji Sabli berkeinginan untuk mengongsikan kemahiran beliau ini kepada generasi muda yang berminat untuk menceburi bidang perusahaan kraf tangan ini sebagai satu pendapatan yang lumayan dan tidak mustahil dapat membantu menjana sara hidup lebih-lebih lagi dengan kemajuan sektor pelancongan di negara ini yang semakin ketara dengan meningkatnya keramaian pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam setiap tahun.



# Bertandang ke Kampung Bukit Panggal

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
Foto: Ihsan Syarikat Cakoi Mahyuddin

*2 JUN 2018*





**R**UANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memaparkan Kampung Bukit Panggal terletak di Mukim Keriam, Tutong dengan mempunyai keunikannya tersendiri.

## **Latar belakang**

Menurut Ketua Kampung Kupang yang juga memegang jawatan Ketua Kampung Bukit Panggal, Awang Puasa bin Haji Kula, 67 tahun, kampung ini mempunyai keluasan 508.74 hektar dengan keramaian penduduknya lebih kurang 643 orang yang pada asalnya adalah terdiri daripada puak Kedayan.

Antara kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan ialah sekolah rendah untuk sesi pagi dan sebelah petang digunakan untuk pembelajaran agama, sebuah gerai berjual sayur-sayuran serta makanan yang terletak di Jalan Binturan dan jana kuasa tenaga elektrik dan telefon.

Baru-baru ini satu Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu Kampung Bukit Panggal diadakan yang mana masjid berkenaan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 5.0 hektar menggunakan anggaran peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam berjumlah BND3 juta yang dijangka siap pembinaannya pada bulan Julai 2018.

Kampung Bukit Panggal pernah dinyatakan dalam sejarah Istiadat Perpustakaan atau membawa maksud ‘Pertabalan’ Sultan Brunei. Pada zaman tersebut pemberitahuan berhubung perpustakaan diuar-uarkan melalui dua cara, iaitu pengibaran bendera kuning di Bukit Panggal, Tutong, manakala bendera merah dikibarkan di Bukit Sungai Kebun.

## **Cakoi Bukit Panggal**

Di Kampung Bukit Panggal juga sering meniti di bibir penduduk kerana terdapatnya Syarikat Cakoi Mahyuddin. Syarikat yang mengusahakan produk berkenaan lebih 10 tahun yang diasaskan oleh pemilik syarikatnya, Dayang Fatimah binti Haji Mustapa, 51 tahun berasal dari kampung berkenaan. Beliau mempelajari resipi dan cara-cara membuat cakoi daripada adiknya yang pernah belajar di Malaysia.

Bermula dari situ beliau mula berminat dan aktif membuat cakoi, tetapi untuk keluarga sahaja. Cakoi bukanlah mudah dipelajari, tetapi memerlukan kesabaran, kesungguhan dan mengorbankan banyak masa dan wang ringgit.

Akhirnya beliau berjaya membuat cakoi rangup dan lembut serta rasanya begitu sedap. Dari hidangan keluarga, beliau memberanikan diri untuk mengorak langkah memasarkannya kepada orang ramai. Tanpa diduga produk beliau mendapat sambutan dari pelbagai lapisan masyarakat yang datang berpusu-pusu membeli cakoi hasil buatannya dengan dikenali Cakoi Bukit Panggal dijual dengan harga dua biji BND1 bagi cakoi kahwin dan cakoi kosong tiga biji BND1.

Dengan sambutan dan pendapatan yang menggalakkan, beliau dan keluarganya membuka cawangan antaranya di persimpangan Lebuh Raya Muara - Tutong Kampung Bukit Panggal, Gerai Penanjong Kem, Pasarneka dan Tamu Serampang di Daerah Tutong yang dibuka pada setiap Khamis dan Jumaat bermula 6.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, di samping menjual pelbagai juadah lain seperti kalupis, tapai, penyaram dan sebagainya.

Selain menitikberatkan kualiti kebersihan, beliau juga sangat mengutamakan kepentingan pelanggan. Ke arah langkah dan tekad pemeduliaan orang ramai, syarikat itu memperkenalkan sistem bernombor kepada pelanggannya sehingga keramaian



***GERAI menjual cakoi di Syarikat Cakoi Mahyuddin yang sering menjadi tumpuan.***

pelanggannya melebihi 200 sehari. Dari sistem tersebut, Syarikat Cakoi Mahyuddin mula mendapat jolokan sebagai 'Cakoi Bernombor'.

Pada bulan Ramadan tahun ini, syarikat ini menyertai Gerai Ramadan berhadapan dengan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong. Sesiapa yang ingin membuat tempahan awal bolehlah menghubungi talian +673 8853716.


## **Kesepakatan**

Sikap saling memedulikan, tolong-menolong, tidak camah mata dan aktif dalam pelbagai aktiviti kampung juga membuatkan kampung ini bertambah makmur. Pemangku Ketua Kampung, Awang Haji Puasa bin Awang Haji Kula yang ditemui semasa Program Sua Muka anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri turut melahirkan rasa syukur kerana mempunyai penduduk yang bersedia memberikan kerjasama apabila diperlukan dalam apa jua kegiatan dan aktiviti kampung ini.

Semoga kemakmuran dan kesepakatan yang dimiliki di kampung ini akan berkekalan terutama untuk generasi akan datang.



*CAKOI kahwin rangup dan lembut serta sedap rasanya.*



# Kampung Sungai Liang hasilkan kehalusan seni anyaman

Rencana dan Foto:  
Ak. Jefferi Pg. Durahman

*16 JUN 2018*

**K**AMPUNG Sungai Liang mempunyai keramaian penduduk kira-kira 3,469 orang terdiri dari 1,732 lelaki dan 1,737 perempuan terdiri daripada pelbagai puak dan bangsa seperti Dusun, Kedayan, Melayu, Cina dan Iban serta lain-lain.

Kampung Sungai Liang berkeluasan 78.25 kilometer persegi dan mengandungi lapan buah kampung kecil iaitu Kampung Gana, Perumpong, Keluyoh, Andulau, Tunggulian, Lilas, Padang dan Kampung Liang Kecil.

### **Asal usul nama Sungai Liang**

Asal usul nama Sungai Liang/Bang Liang adalah berpandukan kepada dialek atau perkataan Sang Jati (puak Dusun) iaitu Bang Liang (Sungai Liang) yang bermakna lubang besar. Perkataan bang adalah singkatan perkataan 'bawang' yang bermaksud sungai. Bang Liang bermaksud sungai yang mengalir ke lubang besar dan sungai tersebut mengalir ke Laut China Selatan.

### **Kesejahteraan penduduk kampung**

Seperti juga di daerah-daerah lain di negara ini, penduduk di Kampung Sungai Liang juga turut diberikan perhatian berupa Bantuan Kebajikan dan Pencen Umur Tua serta Bantuan Kebajikan JAPEM selain mempunyai prasarana kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik, masjid-masjid, pusat kesihatan, sekolah rendah, sekolah agama dan swasta, balai bomba, balai raya, tempat pembuangan sampah, taman peranginan, di samping dapat menerima signal pancaran telefon bimbit dan pancaran *trunk radio*.

Ini jelas membuktikan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensinya yang dipertanggungjawabkan untuk memeduli kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini walau di mana jua berada meskipun jauh di pedalaman.

### **Aktiviti dan kegiatan**

Penduduk di kampung ini juga aktif dalam melakukan aktiviti yang bermanfaat yang mencerminkan budaya bergotong-royong seperti mengadakan Majlis Tahlil

dan Doa Arwah Sekampung, kempen membersihkan kubur/masjid/pantai peranginan Kampung Sungai Liang dan aktiviti-aktiviti kebajikan membersihkan rumah dan menyumbangkan makanan serta keperluan asasi kepada golongan yang memerlukan.

Di samping itu, Kampung Sungai Liang tidak ketinggalan mengadakan majlis-majlis keagamaan seperti Majlis Khatam Al-Quran di masjid-masjid dan mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama anak-anak yatim dan seterusnya memberikan sumbangan derma kepada mereka.

Untuk meningkatkan aspek keselamatan dan berjaga-jaga daripada berlakunya jenayah dan kejadian yang tidak diingini, Pengawasan Kejiranan Kampung Sungai Liang bersama Pasukan Polis Diraja Brunei dan lain-lain agensi penguat kuasa sering bekerjasama mengadakan rondaan di kampung berkenaan untuk kesejahteraan warga kampung dan sekitarnya.

## **Produk kampung (1K1P)**

Kampung Sungai Liang juga mempunyai produknya tersendiri yang dihasilkan oleh penduduk kampung tersebut yang terdiri daripada makanan (kuih-muih) tradisi dan juga kraf tangan berupa anyaman seperti takiding, bakul, bakul anyaman yang kecil bagi kegunaan untuk bekas menyimpan barang hiasan dan sebagainya.

Salah seorang penduduk kampung yang begitu aktif dalam menghasilkan produk



*DAYANG Rasmi Khairiah binti Ringgit merupakan pengusaha produk kraf tangan di Kampung Sungai Liang.*

berkenaan ialah Dayang Rasmi Khairiah binti Ringgit yang mula menjalankan usaha berupa kraf tangan sejak tahun 2015 di bawah syarikat beliau sendiri iaitu Syarikat Rasmi dan Anak-anak.

Sebagai seorang pengusaha, Dayang Rasmi Khairiah juga aktif mengikuti ekspo-ekspo yang dianjurkan di negara ini, selain mengikuti jualan 1 Kampung 1 Produk untuk memperkenalkan dan memasarkan produk kraf tangan beliau yang diperbuat daripada daun rumbit, daun pandan laut, rotan dan daun purun.

Hasil anyaman kraf tangan beliau bukan hanya diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam sahaja malahan di ekspo yang diadakan di luar negara. Beliau mempamerkan kraf tangan berupa anyaman takiding dan tupai yang diperbuat daripada buluh yang telah menerima sambutan begitu menggalakkan.

Walaupun hanya menghasilkan produk yang sederhana daripada bahan-bahan alami, tetapi telah mendapat sambutan yang memberangsangkan bahkan turut menerima tempahan dari penggemar kraf tangan tempatan. Menurut beliau corak tempahan adalah mengikut kehendak dan cita rasa para pelanggan sendiri.


Ujarnya lagi, dalam menjalankan usaha perniagaan pasti ada pasang surut, manis dan pahitnya pengalaman yang dialami. Namun apapun jua cabaran, dapat diatasi dengan tabah terutama sekali dari segi peruntukan masa untuk menyiapkan tempahan pelanggan.

Dayang Rasmi Khairiah berazam untuk terus memperbaiki kualiti dan kehalusan anyaman beliau dari semasa ke semasa memandangkan permintaan pelanggan yang cukup menggalakkan, jelas beliau mengakhiri temu bual dengan wakil Pelita Brunei.



*PELBAGAI makanan kering yang dihasilkan oleh Biro Perekonomian MPK Sungai Liang (atas) dan produk anyaman hasil produk Kampung Sungai Liang turut mendapat sambutan dalam dan luar negara (bawah).*





# Jana perekonomian penduduk kampung

Rencana: Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto: Ihsan Majlis Perundingan Kampung  
Lorong 3 Selatan, Seria

*30 JUN 2018*





**S**ALAH satu objektif pelaksanaan projek Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) adalah untuk menggalakkan lebih banyak projek perekonomian yang relevan, unik dan berdaya maju dalam merealisasikan Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Dengan menjadikan AKC sebagai platform untuk memajukan bidang perekonomian yang berdaya maju dan *sustainable* dalam kalangan masyarakat kampung sudah setentunya memantapkan lagi sosioekonomi penduduk kampung berkenaan.

Bagi penduduk Kampung Lorong 3 Selatan, Seria, mereka telah mengetengahkan sesagun beras sebagai produk utama yang diusahakan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lorong 3 Selatan, Seria yang dipertandingkan semasa AKC bermula dari 2011 hingga 2013. Projek pembuatan sesagun ini bermula pada bulan Jun 2010 dan mula dilancarkan pada 23 November 2010. Mengimbas sejarah awal perusahaan tersebut, projek pembuatan sesagun beras diusahakan oleh seramai 29 Ahli MPK Lorong 3 Selatan, Seria dengan kerjasama penduduk kampung secara berkumpulan. Bagaimanapun, ketika ini hanya tujuh orang sahaja yang masih aktif mengusahakan produk berkenaan.

Setiausaha MPK Lorong 3 Selatan, Awang Hassan bin Haji Masri menjelaskan, sejak dari awal penyertaan pertandingan AKC bermula dari 2011 hingga 2013, pihak AJK tidak ada memohon bantuan daripada mana-mana pihak dan hanya menggunakan pusingan modal hasil daripada jualan produk sesagun beras. Oleh itu ujarinya, Ahli-ahli MPK seharusnya berbangga dengan sifat *self reliance* mereka itu.

Mungkin ada sesetengah orang yang tidak tahu apakah sesagun beras? Sesagun beras adalah makanan tambahan bagi buah-buahan terutama sekali pisang yang menjadikannya makanan yang terkenal bagi penduduk dalam kawasan Lorong 3 Selatan Seria. Tujuan utama MPK Lorong 3 Selatan Seria memilih sesagun beras sebagai Projek Perekonomian 1K1P ialah untuk memperkenalkan makanan tersebut di Daerah Belait amnya dan Negara Brunei Darussalam khususnya.

## **Promosi**

Mengenai promosi jualan, Awang Hassan menjelaskan, bahasa dari segi pemasaran memanglah begitu minimal kerana kebanyakan penduduk alaf baharu ketika ini tidak begitu mengetahui akan kewujudan sesagun ini. Katanya lagi, berbagai-bagai cara telah dilakukan untuk mempromosikan jualan seperti melalui internet,



***SESAGUN beras merupakan produk utama yang diusahakan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lorong 3 Selatan, Seria.***

menghantar ke kedai-kedai dan menyertai mega dan mini ekspo yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Sementara itu, kesepakatan yang dicapai bersama LA Nova juga memainkan peranan ke arah membantu meningkatkan jualan produk melalui jualan di ruang pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.



***SESAGUN beras yang dipamerkan.***

## Pelbagaikan produk

MPK Lorong 3 Selatan, Seria telah mempertingkatkan lagi penghasilan produk kampung mereka dengan menghasilkan acar-acaran, di mana produk di bawah 1K1P ini merupakan yang paling laris dalam pasaran. Dengan adanya produk kegemaran ramai ini diharap akan dapat memberi kepelbagaian dalam produk penghasilan Kampung Lorong 3 Selatan serta mempertingkatkan lagi tahap perekonomian dari segi pendapatan para penduduk kampung.


## Perancangan

Menyentuh tentang perancangan masa depan pula, Awang Hassan menjelaskan, pihak MPK merancang mahu meningkatkan jualan melalui tambahan produk yang mereka gelar jualan *varities*. Antara perancangan yang difikirkan bersesuaian ialah dengan mempelbagaikan produk sesagun dengan menghasilkan pembuatan biskut, makanan bijirin dan sebagainya.

Semoga hasrat murni Ahli-ahli MPK Lorong 3 Selatan, Seria ini akan tercapai yang sekali gus akan membantu menjana perekonomian penduduk kampung yang terlibat dan seterusnya melahirkan generasi yang produktif dan berdaya saing.



*SESAGUN beras adalah makanan tambahan bagi buah-buahan terutama sekali pisang yang menjadikannya makanan yang terkenal bagi penduduk dalam kawasan Lorong 3 Selatan Seria.*



# Kampung Teraja bantu kembang luaskan industri ekopelancongan negara

Rencana: Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto: Ihsan Ahli Jawatankuasa Kerja  
Majlis Perundingan Kampung Teraja

*14 JULAI 2018*

**T**ERLETAK jauh di pedalaman, sebuah kampung yang agak terencil daripada kesibukan Pekan Seria, terdapat sebuah rumah panjang yang agak berusia, namun mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, di mana para penghuninya memiliki dedikasi dan komited untuk memajukan kampung berkenaan. Kepada para pencinta alam semula jadi, kunjungan ke Kampung Teraja merupakan sebuah kunjungan yang setentunya akan memberikan kenangan terindah.

Kira-kira 54 kilometer dari Sungai Liang, Daerah Belait, Rumah Panjang Kampung Teraja dihuni oleh seramai 125 orang penduduk. Namun, sebahagian besar daripada penghuninya tidak berada di rumah panjang enam pintu itu melainkan pada hujung minggu sahaja.

Perkara ini disebabkan mereka terpaksa tinggal di kawasan bandar agar lebih dekat dengan kawasan tempat bekerja dan kawasan sekolah.

Bagi memastikan pentadbiran kampung berjalan lancar, Ahli Jawatankuasa (AJK) Majlis Perundingan Kampung (MPK) Teraja dan Biro Wanita MPK Teraja ditubuhkan pada Februari 2015 setelah mantan Tuai Rumah Panjang Teraja, Jamit anak Lasah bersara daripada jawatannya. Sejak tertubuhnya AJK dan Biro Wanita tersebut dan kerjasama dengan ejen-ejen pelancongan dijalinkan, perkembangan kampung dilihat sangat ketara dengan kedatangan para pelancong yang boleh dikatakan berkunjung ke kampung tersebut setiap minggu.

## **Wasai Teraja**

Apakah yang menarik di kampung pedalaman yang agak terencil itu? Menurut Ketua Biro Wanita MPK Teraja, Embong anak Munah, Kampung Teraja mempunyai beberapa buah wasai yang menarik di dalam kawasan hutan kampung berkenaan yang sering kali menjadi tarikan pelawat dan pelancong baik dari dalam negeri mahupun luar negara.

Salah sebuah wasai yang sering kali dikunjungi ialah Wasai Teraja. Rasa lelah berjalan kaki selama 1 jam 30 minit di dalam hutan untuk sampai ke wasai tersebut akan hilang setelah melihat keindahan alam ciptaan Tuhan dengan deruan air terjun yang memukau mata pengunjung apatah lagi setelah melihat kejernihan air yang menggamit hati pengunjung untuk mandi di wasai berkenaan.



*WASAI Teraja mempunyai keindahan yang memukau kepada para pengunjung.*

Kepada para pengunjung yang berhasrat untuk mengunjungi Wasai Teraja ataupun wasai-wasai lain yang terdapat di kampung berkenaan, mereka perlu mendaftarkan nama masing-masing di Rumah Panjang Teraja dan dikenakan bayaran sebanyak BND3 bagi dewasa dan BND1 bagi kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah. Bagi yang memerlukan khidmat jurupandu yang terdiri daripada penduduk kampung, rombongan akan dikenakan bayaran BND60.

## **Kraf tangan**

Selain wasai, Kampung Teraja juga dikenali dengan kraf tangan yang dihasilkan oleh para penduduk kampung. Anyaman bakul yang pelbagai bentuk dan saiz serta reka bentuk menarik berjaya menambat hati para penggemar seni anyaman termasuk para pelancong yang membuat lawatan ke Rumah Panjang Teraja. Mereka juga aktif dalam menyertai ekspo dan bazar dalam dan juga di luar negara seperti Pameran Ekspo - China ASEAN (CAEXPO) di Nanning, Republik Rakyat China bermula 12 September 2017 hingga 15 September 2017.

## Inap desa

Rumah Panjang Teraja tidak ketinggalan dalam sama-sama terlibat dengan industri inap desa. Pengunjung boleh memilih sama ada bermalam di ruang luar Rumah Panjang Teraja yang dipanggil 'Ruai' dan dikenakan bayaran BND15 seorang atau di bilik (ruang tamu) dengan bayaran BND20 seorang. Ketika menginap di sana, pengunjung akan berpeluang menyaksikan persembahan kebudayaan seperti tarian ngajat dan demonstrasi perkahwinan masyarakat Iban, pameran kraf tangan dan anyaman serta persembahan gulingtangan. Bagi yang meminati aktiviti mencabar pengunjung juga ditawarkan mengikuti *jungle trekking* bagi melihat keindahan flora dan fauna yang ada di kawasan Teraja tersebut.



## Peningkatan pengunjung dan cabaran

Dengan adanya pelbagai keistimewaan di kampung berkenaan, warga Rumah Panjang Teraja berasa berbangga memandangkan kedatangan para pelancong yang meningkat dari semasa ke semasa. Sejak tahun 2012 hingga Julai 2017, dicatatkan lebih daripada 8 ribu pengunjung datang ke Rumah Panjang Teraja bagi mengikuti pelbagai aktiviti dan menyaksikan sendiri keunikan yang terdapat di kampung tersebut.

Namun, dalam apapun yang dihadapi, cabaran setentunya akan sentiasa mengiringi kita. Bagi Ahli-ahli MPK Teraja, Dayang Embong menjelaskan antara cabaran yang mereka hadapi sekarang ialah untuk mempromosikan Kampung Teraja ke luar negara agar kampung yang agak terpencil itu dikenali bukan hanya oleh pengunjung dari dalam negara, malahan juga menerima pelawat-pelawat dari negara luar.

*KAMPUNG Teraja juga dikenali dengan kraf tangan yang dihasilkan oleh para penduduk kampung yang berjaya menambat hati para penggemar seni anyaman termasuk para pelancong.*


Oleh itu, Ahli-ahli MPK Teraja membuat perancangan masa panjang, iaitu untuk memajukan lagi kraf tangan dan Inap Desa Rumah Panjang Teraja agar terus menjadi pilihan ramai khususnya para pelancong dari luar negara.

Dengan peningkatan kedatangan pengunjung dari semasa ke semasa ini diharap akan meningkatkan lagi motivasi dalam kalangan penduduk kampung agar terus bergiat aktif dalam industri ekopelancongan dan seterusnya membantu mengembangmajukan industri pelancongan negara. Selain itu, Kampung Teraja yang kaya dengan keindahan flora dan fauna ini juga diharap akan menjadi sebuah destinasi pelancongan negara yang sekali gus akan memperkenalkan Negara Brunei Darussalam ke mata dunia antarabangsa dan seterusnya membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.



***KRAF tangan yang dihasilkan oleh para penduduk kampung yang berkualiti tinggi berjaya menembusi pasaran antarabangsa jika dipromosikan secara lebih meluas lagi.***





# Kampung Bokok bergiat aktif dalam bidang ekonomi, kemasyarakatan

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim  
Foto: Jabatan Penerangan

*28 JULAI 2018*

**K**AMPUNG Bokok, Mukim Bokok mempunyai keluasan 63 hektar, mempunyai seramai 464 orang penduduk yang terdiri daripada 226 orang lelaki dan 238 orang perempuan di bawah pimpinan Ketua Kampung Bokok, Mukim Bokok, Awang Haji Jaman bin Haji Arsat.

Daripada jumlah itu bangsa Melayu seramai 395 orang, bangsa Iban 45 orang dan 24 orang bangsa lain. Seramai 419 orang beragama Islam dan selebihnya beragama lain.

### **Asal usul**

Menurut Ketua Kampung Bokok, Awang Haji Jaman bin Haji Arsat, sejarah ataupun asal usul nama Bokok mengikut cerita orang-orang dahulu berasal dari panggilan ‘takuyung bokak’ dalam bahasa Murut dan nama Kampung Bokok itu dikekalkan hingga sekarang menjadi nama rasmi kampung berkenaan.

### **Aktiviti ekonomi**

Seperti mana juga kampung-kampung lain di Daerah Temburong yang memiliki pelbagai penghasilan dan produk masing-masing sebagai aktiviti dalam sektor perekonomian, begitu juga Kampung Bokok tidak ketinggalan menghasilkan pembuatan pelbagai jenis kuih-muih antaranya wajid jawa dan wajid nasi sebagai pendapatan sara hidup sahaja dan bukan khusus untuk dijadikan produk di bawah penjenamaan ‘1 Kampung 1 Produk’ oleh MPK Kampung Bokok.

Menurut Ketua Kampung Bokok, mereka ini sering juga dijemput oleh pihak-pihak tertentu seperti menyertai Bandarku Ceria di Bandar Seri Begawan, hotel-hotel dan sebagainya untuk mempamerkan serta menjual hasil usaha mereka di sana. Turut dipamerkan kepada para pelanggan ialah wajid yang menjadi tarikan Daerah Temburong selain Cendol Temburong dan udang galah.

### **Aktiviti MPK**

Antara peranan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim yang ditubuhkan di negara ini ialah mengadakan permuzakarahannya dan perundingan dari semasa ke semasa demi untuk mempertingkatkan lagi kesejahteraan, kebajikan dan termasuklah juga bagi menangani apa jua isu atau masalah seperti kegiatan-kegiatan yang berunsurkan



***PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama Ketua Kampung Bokok dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Bokok serta pegawai-pegawai Jabatan Penerangan bergambar ramai selepas sesi Program Sua Muka.***

negatif dan boleh menjejaskan perpaduan, keharmonian, keselamatan, ketenteraman kampung atau mukim masing-masing.

MPM dan MPK juga sentiasa bersama-sama memainkan peranan penting dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan golongan yang daif, termasuk kalangan anak-anak yatim dan warga emas yang memerlukan bantuan, di samping bekerjasama secara bersepadu dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, swasta dan juga pertubuhan bukan kerajaan.

Sehubungan itu, MPK Bokok yang diketuai oleh Ketua Kampung Bokok sendiri mengambil punggur ke hadapan dengan melaksanakan beberapa aktiviti antaranya terlibat dalam memeriahkan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setiap tahun di Daerah Temburong dan juga di Daerah Brunei dan Muara, jelas Ketua Kampung Bokok. Selain itu katanya MPK juga turut terlibat dan juga menyertai dalam pembarisan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam setiap tahun bagi mewakili Daerah Temburong.

Hubungan Ketua Kampung Bokok bersama Ahli-ahli Jawatankuasa MPK dan para penduduk Kampung Bokok adalah sangat erat. Perkara tersebut ketara dengan kehadiran Ahli Jawatankuasa MPK serta penduduk-penduduk kampung yang tidak termasuk dalam senarai ahli jawatankuasa setiap kali mesyuarat diadakan. Mereka sanggup meluangkan masa demi untuk turut hadir dalam mesyuarat berkenaan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan permasalahan, kemajuan dan masa depan kampung berkenaan.

## **Kemudahan**

Seperti mana juga kampung-kampung lain yang terdapat di Daerah Temburong, Kampung Bokok tidak terkecuali menerima segala kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia demi keselesaan rakyat dan penduduk seperti jalan raya, bekalan air bersih, api elektrik, talian telefon, sekolah agama, masjid dan dewan.




*MASJID Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok antara kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.*



***SEKOLAH*** *Ugama Kampung Bokok antara kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memberikan keselesaan kepada murid-murid untuk belajar.*

Selain itu, para penduduk kampung berkenaan juga turut menerima bantuan-bantuan kewangan; Pencen Tua seramai 57 orang, Bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) lapan orang, fakir miskin tujuh orang, anak-anak yatim enam orang, mualaf 21 orang, Orang Kelainan Upaya (OKU) seorang.

Sehubungan itu, beliau bagi mewakili penduduk Kampung Bokok menyebarkan ucapan menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kemudahan yang diberikan kepada penduduk Kampung Bokok. Beliau juga turut berharap kepada penduduk Kampung Bokok akan sama-sama menjaga dan memelihara segala kemudahan diberikan dan digunakan sebaik-baiknya.



# Nikmati keindahan, kedamaian di Melilas

Rencana: Noriah Haji Abdul Hamid  
Foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perhutanan

*25 OGOS 2018*

## Latar belakang

**M**UKIM Melilas adalah salah satu mukim yang terletak di kawasan pedalaman Belait. Dengan mempunyai keluasan 602.803 kilometer persegi, Mukim Melilas diliputi dengan hamparan kehijauan hutan yang masih asli sementara di kiri dan kanan jalan raya kelihatan perkebunan para penduduk kampung.

Mukim Melilas mempunyai keramaian 330 orang penduduk di bawah tadbir selia Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Mohd. Ali bin Abdullah@Itam selaku Pemangku Penghulu Mukim berkenaan.

Bagi mereka yang menggemari pengembaraan merentas hutan, maka perjalanan menyusur ke kawasan pedalaman seperti ini adalah amat menarik dan mencabar. Kali ini penulis berpeluang menjejaki Mukim Melilas buat kali kedua dengan menaiki pacuan empat roda menyertai rombongan Program Sua Muka Jabatan Penerangan ke mukim berkenaan.



*JALAN ke Kampung Melilas dinaik taraf menjadi jalan jenis konkrit untuk kemudahan penduduk kampung dan orang ramai.*

Untuk sampai ke Kampung Melilas mengambil masa agak lama. Sepanjang perjalanan, kita dihidangkan dengan kehijauan pokok-pokok hutan yang pelbagai saiz dan adakalanya melintasi pondok-pondok kecil yang dibina di dalam perkebunan buah-buahan kepunyaan penduduk-penduduk kampung. Ketika kenderaan mendaki jalan yang berbukit, kelihatan kemuncak Gunung Mulu yang terletak bersempadan dengan Kampung Melilas.

Pada kali pertama penulis bertandang ke Mukim Melilas jalan raya masih dalam keadaan peringkat menaik taraf. Berbanding pada kali ini, jalan raya sepanjang perjalanan menuju ke Mukim Sukang dan seterusnya jalan memasuki Mukim Melilas telah pun dinaik taraf ke jenis konkrit yang setentunya memudahkan dan memberi keselesaan bukan sahaja kepada penduduk kampung malahan kepada orang ramai yang ingin berkunjung ke sana.

Terdapat dua buah kampung di bawah pentadbiran beliau, iaitu Rumah Panjang Julangan Titah Kampung Melilas atau sebelum itu dikenali sebagai Rumah Panjang Melilas dan Rumah Panjang Bebalat.

Rumah Panjang Julangan Titah mempunyai 15 pintu dan dihuni oleh lebih kurang 280 orang yang mana 90 peratus daripada mereka beragama Islam sementara Rumah Panjang Bebalat mempunyai lima pintu dan didiami oleh 50 orang penghuni.



***RUMAH Panjang Julangan Titah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.***



Rumah Panjang Julangan Titah adalah atas kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Di setiap pintu rumah panjang baharu tersebut dilengkapi dengan jentera tenaga elektrik, *water pump* dan tangki air berbanding sebelumnya di mana mereka terpaksa mengambil air di sungai yang berdekatan. Kerja-kerja pembinaan rumah panjang berkenaan berjalan selama lapan bulan bermula sejak pertengahan Disember 2015 dan penyerahan replika kunci rumah pada 20 Jun 2016.

Mukim Melilas juga tidak terpinggir dari mengecapi kemudahan-kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti kemudahan klinik kesihatan, Sekolah Rendah Melilas yang dilengkapi dengan rumah guru-guru, balai ibadat kampung dan sebagainya. Bagi mereka yang bertugas ke Kampung Melilas dan ingin bermalam di sana, ada disediakan sebuah bilik secara percuma di Rumah Panjang Julangan Titah.

## Sejarah

Menurut sejarah penduduk yang menetap di kampung tersebut, perkataan ‘melilas’ berasal dari perkataan Iban ‘mengilas’ yang merujuk pada pokok yang kayunya digunakan oleh puak Iban untuk memasak. Di balik perkataan asalnya iaitu ‘mengilas’ ianya disebut dalam ungkapan yang salah dari segi ejaan dan bunyinya iaitu menjadi ‘melilas’ dan sehingga kini kampung tersebut kekal dengan nama Kampung Melilas.



*AKHBAR Pelita Brunei juga disalurkan ke Rumah Panjang Julangan Titah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.*

Menurutnya lagi, penduduk di kampung berkenaan berasal dari Marudi, Sarawak, Malaysia sebelum Perang Dunia II (sebelum 1939) melalui pantai ke Sungai Belait untuk sampai ke Bukit Tuding yang merupakan penempatan pertama mereka. Beberapa ketika kemudian, mereka berpindah ke sebuah kampung di Sungai Melilas (Sungai Belait). Selepas beberapa tahun mereka kemudiannya turun ke kawasan sungai pada tahun 1959 dan kemudian menetap di tempat mereka diami sekarang sejak tahun 1974.

Walaupun kebanyakan penduduk di kampung tersebut berpindah atau bekerja di pekan-pekan atau kawasan bandar, namun apabila tiba musim cuti persekolahan dan hari perayaan 'gawai' serta hari raya, maka mereka akan balik beramai-ramai untuk merayakan perayaan-perayaan berkenaan.

## **Ekonomi sara diri**

Kebanyakan penduduk Kampung Melilas mengamalkan ekonomi sara diri seperti bertanam padi, berkebun, mengutip hasil hutan dan sungai. Kampung Melilas mempunyai Majlis Perundingan Kampungnya sendiri dengan menjadikan barang-barang kraf tangan dan anyaman sebagai produk IKIP. Antaranya tudung saji, nyiru, tikar kecil, takiding dan lain-lain yang diperbuat daripada buluh, bamban dan rotan.


***MAJLIS Perundingan Kampung Melilas juga menjadikan barang-barang kraf tangan dan anyaman sebagai produk IKIPnya, antaranya tudung saji, nyiru, tikar kecil, takiding dan lain-lain yang diperbuat daripada buluh, bamban dan rotan.***



Menurut Dayang Hajah Nulia binti Abdullah, beliau mula belajar membuat anyaman sejak tahun 80-an lagi daripada penduduk itu sendiri. Pada mulanya beliau hanya menjadikan bidang anyaman secara suka-suka sahaja, tetapi lama kelamaan apabila mendapat tempahan yang begitu menggalakkan dari orang ramai maka ia dijadikan sebagai produk utama kampung tersebut. Beliau pernah menyertai beberapa pameran di luar negara seperti di China pada 2010 dan Jepun 2011, di samping menyertai ekspo-ekspo tempatan yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di BRIDEX Jerudong, Bandarku Ceria dan sebagainya. Ujar beliau lagi, mereka memperoleh hasil yang lumayan dari jualan berkenaan yang kadangkadangkang mencecah lebih dari BND2,000.00. Setentunya sebagai salah satu sumber pendapatan bagi meningkatkan sara hidup seharian.

## **Hutan pemuliharaan Sungai Ingei**

Kampung Melilas juga merupakan laluan dengan menyusuri anak sungai untuk menuju ke kawasan Hutan Pemuliharaan (*Conservation Forest*) Sungai Ingei. Dengan keluasan lebih kurang 18,491 hektar, kawasan ini adalah merupakan kawasan Hutan Simpan (*Forest Reserve*) di bawah kawalan Jabatan Perhutanan. Hutan Pemuliharaan Sungei Ingei ini terletak bersempadan dengan kawasan Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak, Malaysia. Kawasan ini juga terletak di dalam kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan pengurusan bagi mendukung pelaksanaan Inisiatif Nadi Borneo (*Heart of Borneo Initiative*) di Negara Brunei Darussalam.



# Daya tarikan alami Mukim Labi

Rencana: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
Foto: Jabatan Penerangan dan Ihsan MPK Labi I

*8 SEPTEMBER 2018*

**M**UKIM Labi mempunyai keluasan 36,390.74 hektar yang dibahagikan kepada dua kawasan, iaitu Kampung Labi I dan Kampung Labi II. Persekitaran di kawasan ini masih mengekalkan keindahan alam semula jadi di mana terdapat flora dan faunanya serta bukit bukau yang menghijau.

Kampung Labi I mempunyai keluasan 136.9 kilometer persegi dengan keramaian 694 orang penduduk di bawah pentadbiran Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput sebagai Penghulu Mukim Labi dan Ketua Kampung Labi I. Kampung Labi I mempunyai sepuluh buah kampung di bawah tadahannya, iaitu Kampung Bukit Puan, Kampung Sungai Petai, Kampung Tampang Lupak, Kampung Tenajor, Kampung Ratan, Kampung Terunan, Kampung Gatas, Kampung Tesilin, Kampung Kenapol dan Kampung Melayan Atas.

Manakala Kampung Labi II mempunyai keluasan 224.9 kilometer persegi dengan keramaian penduduk 374 orang di bawah seliaan Ketua Kampung Labi II, Awang Haji Matussin bin Matzin. Di bawah tadahan Kampung Labi II terdapat lima buah kampung, iaitu Kampung Terawan, Kampung Rampayoh, Kampung Mendaram Besar, Kampung Mendaram Kecil dan Kampung Teraja.



*ANTARA kraf tangan yang dihasilkan oleh penduduk Mukim Labi.*



*KEINDAHAN alami yang terdapat di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak.*

Antara produk yang diusahakan oleh penduduk di Mukim Labi melalui Majlis Perundingan Mukim/Majlis Perundingan Kampung (MPM/MPK) dengan menjadikan barang-barang kraf tangan dan anyaman sebagai produk 1K1P dan juga jus rosella. Mukim Labi juga terkenal dengan kesuburan tanahnya di mana terdapatnya kebun sayur-sayuran dan buah-buahan. Penduduk di sini juga sebahagiannya memelihara binatang ternakan, seperti lembu, kerbau dan kambing, di samping mengusahakan ternakan ikan air tawar.

### **Tempat-tempat menarik**

Antara tempat peranginan yang menarik dan sering menjadi kunjungan orang ramai di Mukim Labi ini ialah Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak dan Taman Peranginan Wasai Wong Kadir. Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak terletak kira-kira 25 kilometer dari Sungai Liang.

Taman ini meliputi kawasan seluas kira-kira 270 hektar di Hutan Simpan Bukit Labi. Taman ini merupakan sebuah tempat yang indah dan diseliputi tanah paya dan air tawar. Apabila musim hujan, tasiknya akan dipenuhi air dan pada musim kemarau ia akan menjadi kering.

Di taman ini juga mempunyai beberapa prasarana bagi kemudahan para pengunjung, seperti pondok rehat dan laluan pejalan kaki sejauh 200 meter di sepanjang tepi tasik, taman permainan, kemudahan untuk bersenam dan terdapat hutan simpan yang boleh dijadikan sebagai asas ekopelancongan.

Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, juga seperti taman-taman rekreasi lain di negara ini yang menjadi tempat kunjungan orang ramai terutama bagi yang berkeluarga mahupun golongan remaja untuk berehat serta melapangkan fikiran dan mengadakan pelbagai aktiviti riadah.

Di Mukim Labi juga terdapat tempat perkelahan yang popular dengan keindahan air terjunnya yang dikenali sebagai Taman Peranginan Wasai Wong Kadir terletak di bawah tadahan Ketua Kampung Labi II. Tempat ini sesuai untuk mereka yang sukakan cabaran, seperti *Jungle Trekking* dan *Camping*.



**PONDOK-PONDOK** kecil yang disediakan di Taman Peranginan Wasai Wong Kadir.

Para pejalan kaki akan melintasi beberapa kawasan curam dalam perjalanan ke air terjun. Di sini para pengunjung akan dapat menikmati keindahan hutan yang masih asli dan dapat menghirup udara segar serta menikmati deruan air wasai yang bersih. Taman Peranginan Wasai Wong Kadir juga dilengkapi dengan kemudahan tandas awam, tempat solat dan sebagainya.

Di samping itu, orang ramai serta pencinta keindahan alam semula jadi boleh juga berkunjung ke Wasai Tibadak, Wasai Telingan, Wasai Separi, Wasai Teraja dan Wasai Beluluk untuk menikmati keindahan yang terdapat di wasai-wasai berkenaan.

Apa yang diharapkan kepada mereka yang berkunjung ke taman-taman rekreasi di negara ini agar sentiasa menjaga kebersihan taman. Di samping memanfaatkan kemudahan-kemudahan taman untuk mengamalkan gaya hidup sihat agar tubuh badan lebih segar dan bertenaga agar kita bertambah yakin dalam melakukan pekerjaan seharian. Dengan adanya taman-taman rekreasi ini, ia adalah peluang keemasan untuk masyarakat kita untuk melakukan aktiviti bersenam dan beriadah bersama keluarga bukan sahaja membina masyarakat yang sihat dan aktif malahan akan membentuk sebuah keluarga yang harmoni.





# Mukim Ukong bergiat aktif dalam perekonomian

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim  
Foto: Jabatan Penerangan

*22 SEPTEMBER 2018*

## Latar belakang

**M**UKIM Ukong adalah salah satu mukim dari lapan mukim di Daerah Tutong dengan memiliki keluasan secara keseluruhan 144 kilometer persegi. Jarak jauh Mukim Ukong dari Pekan Tutong ialah 30 kilometer dengan keramaian penduduknya berjumlah 2,200 orang yang mendiami 390 buah rumah.

Ia ditadbir di bawah pimpinan seorang penghulu iaitu Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abdul Aziz yang dilantik sebagai Penghulu Mukim Ukong pada 10 Julai 2000 sehinggalah sekarang.

Sebelum menjadi penghulu, beliau pernah berkhidmat di Jabatan Perhutanan dan menjadi Ketua Kampung Bukit pada tahun 1993 sehingga bulan Julai 2000. Tiga buah kampung di bawah pentadbiran beliau ialah Kampung Ukong, Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan.

Sesuai dengan penubuhan MPMK di negara ini yang berperanan sebagai pemikir dalam mengatasi hal-hal di peringkat akar umbi dan mengalinga kebajikan penduduk-penduduk kampung, di samping mengambil berat akan perekonomian kampung antaranya melalui 1K1P maka Mukim Ukong melantik Jawatankuasa Tadbir Majlis Perundingan Mukim Ukong yang mewakili setiap kampung. MPM Ukong dipengerusikan sendiri oleh Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Muhd. Zaki bin Abdullah selaku Timbalan Pengerusi, Awang Sambut bin Tarang, Penolong Setiausaha dan Dayang Nilam binti Lundu sebagai Bendahari.

## Sejarah

Mengapa Kampung Ukong dikenali dengan nama Kampung Ukong? Mengikut cerita orang-orang tua, pada zaman dahulu terdapat paya yang dikenali dengan paya Nong Anggeh terletak di perantaraan sungai dengan Bukit Nong Anggeh. Keadaan paya ini sangat becak dan sukar dilalui oleh pejalan kaki. Paya ini juga merupakan satu-satunya jalan utama menuju ke kampung seberang. Oleh kerana tiada jalan lain pada masa itu, penduduk kampung terpaksa melalui jalan tersebut.

Apabila mereka melalui paya tersebut sambil membawa anak-anak mereka maka mereka terpaksa menkukong atau bermaksud mendukung anak-anak mereka

di atas bahu. Keadaan dan keolahan tersebut menyebabkan kawasan ini dipanggil sebagai 'kukong'. Lama-kelamaan panggilan ini kekal hingga hari ini dan disebut dengan nama 'Kampung Ukong'.

## **Kemudahan asas dan prasarana**

Seperti mana mukim-mukim lain di Daerah Tutong, Mukim Ukong juga tidak ketinggalan dari menerima kemudahan-kemudahan asas dan prasarana yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antaranya ialah kemudahan jalan raya yang berasfalt, bekalan air bersih, api elektrik dan talian telefon. Di samping itu terdapat juga Masjid Kampung Bukit, Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan, Pos Polis Kampung Bukit, Dewan Serbaguna Kampung Bukit, Balai Raya Kampung Long Mayan, Gerai Tamu Kampung Long Mayan, Galeri Warisan Kraf Tangan Kampung Bukit, Sekolah Rendah DPS Ukong dan Sekolah Rendah Kampung Bukit.

## **Produk mukim**

Pokok rumbia mempunyai pelbagai kegunaan. Salah satu darinya adalah diproses menjadi ambulung yang merupakan antara makanan tradisional orang-orang kitani sejak dahulu lagi.

Ambulung ataupun sagu adalah sejenis tepung kanji yang diperolehi daripada batang pokok rumbia. Pokok-pokok rumbia ini lazimnya tumbuh secara kecil-kecilan dan berkelompok di kawasan campuran tanah paya dan tanah liat. Pokok rumbia ini ada dua jenis iaitu rumbia biasa dan rumbia berduri.

Pokok rumbia boleh diperolehi dari kawasan-kawasan di Kampung Ukong dan sekitarnya termasuk Kampung Long Mayan, Kampung Layong, Kampung Penapar dan Sungai Damit di Daerah Tutong.

Terdapat pengusaha sagu yang bergiat aktif mengusahakan perusahaan ambulung yang terletak di atas tanah EDR. 1428 Lot No. 1396. Kilang tersebut beroperasi sejak lebih 20 tahun dan merupakan perusahaan keluarga yang dimiliki oleh Syarikat Perusahaan Sagu Yong Pin Chin dan Anak-Anak. Syarikat berkenaan satu-satunya



***KILANG sagu yang beroperasi sejak lebih 20 tahun merupakan perusahaan keluarga yang dimiliki oleh Syarikat Perusahaan Sagu Yong Pin Chin dan Anak-Anak.***

pembekal ambulung di Daerah Tutong.

Kilang ini beroperasi sejak awal tahun 1971 dan mempunyai peralatan moden yang dijalankan oleh beberapa orang tenaga pekerja dari luar negeri dan juga tempatan. Sebelum ini, Syarikat Perusahaan Sagu Yong Pin Chin memproses sagu secara tradisional yang terletak di ulu Sungai Kampung Ukong.

Sejak kilang ini dikenali oleh masyarakat di negara ini, kilang ini menjadi tumpuan lawatan daripada pihak sekolah-sekolah kerajaan, swasta, agensi-agensi kerajaan dan swasta dan juga para pelancong daripada luar negara.

Menurut Awang Kibat bin Aboi, pohon rumbia mempunyai banyak kegunaan selain dari dijadikan ambuyat. Bahagian antara pucuk dan umbut rumbia yang dipotong disimpan untuk pembiakan ulat patar. Manakala pucuk umbutnya dijadikan sayur bagi kegunaan majlis-majlis perkahwinan dan sebagainya. Harga sebatang pucuk umbut rumbia berharga BND20.00 hingga BND25.00 mengikut ukurannya.

“Sebelum pohon rumbia ini ditebang untuk dijadikan sagu, terlebih dahulu memastikan pohon tersebut mempunyai usia atau umur 8 sehingga 13 tahun baru boleh dipotong untuk diproses dijadikan sagu. Kalau usia melebihi 13 tahun dan sudah mengeluarkan bunga, maka kualiti sagu itu agak kurang baik,” ujar beliau lagi.

“Setiap seponon rumbia yang mempunyai ukuran yang besar boleh menghasilkan kira-kira 200 kilo dan saiz kecil mampu menghasilkan 150 hingga ke 180 kilo sebatang. Kami memproses pohon rumbia dalam tiga hari sebanyak sembilan pohon,” ujarnya.

Pohon rumbia biasanya akan tumbuh secara terbiar di kawasan paya yang terdapat di sekitar Kampung Ukong dan jika ia tumbuh di tanah milik orang lain, maka pihak syarikat beliau akan membelinya dengan harga BND20.00 sebatang.

Awang Kibat seterusnya menjelaskan proses untuk mendapatkan sagu daripada pohon Rumbia yang telah dipotong dan dibersihkan daripada kulitnya akan menjalankan proses penggarutan menggunakan mesin yang dibuat sendiri oleh pemilik kilang berkenaan melalui beberapa proses termasuk proses seperti penyucian dan penyimpanan ke dalam tajau sehinggalah boleh dijadikan ambulung.



***PROSES penggarutan menggunakan mesin yang dibuat sendiri oleh pemilik syarikat kilang sagu.***

Dalam memproses menghasilkan ambulung, syarikat berkenaan tidak menggunakan sebarang pengawet hanya menggunakan air bersih. Berat ambulung yang dibungkus adalah 500 gram, satu kilo dan 10 kilo. Kebanyakan permintaan ambulung yang tinggi ialah ambulung yang mengandungi 10 kilo daripada pasar-pasar borong, restoran-restoran; dan ambulung yang mengandungi 500 gram dan satu kilo akan dipasarkan ke kedai-kedai runcit, pasar raya-pasar raya dan lain-lain.

## **Galeri Warisan Kraf Tangan Kampung Bukit**

Bilik pameran atau galeri kraf tangan ini terletak di Dewan Serbaguna Kampung Bukit ini merupakan satu-satunya galeri yang terdapat di Mukim Ukong. Galeri ini berkeluasan mempamerkan hasil khazanah warisan kraf tangan tempatan dan menjadi tempat pengunjug dan pelancong luar negara. Selain itu juga galeri ini merupakan tempat bagi belia-belia tempatan yang berminat dalam bidang kraf tangan.

Galeri ini menempatkan dan mempamerkan barang-barang hasil kraf tangan yang dihasilkan oleh penduduk tempatan seperti anyaman dan pembuatan tangan. Model-model yang dipamerkan memudahkan urusan penempahan bagi mereka yang berminat untuk membeli.

Terdapat dua buah ruang pameran dan satu lagi adalah tempat bilik pengurusan galeri yang menempatkan pegawai yang bertanggungjawab dalam menjalankan peranan galeri ini membuat aktiviti-aktiviti kraf tangan. Bilik tersebut menelan belanja hampir BND27,000.00 dan pembinaannya bermula awal tahun 2012 dan siap sepenuhnya pada 27 Februari 2012.


Galeri ini dihasratkan juga untuk melaksanakan pelbagai kegiatan seperti mengadakan bengkel dan kursus bagi yang mempelajari kraf tangan khususnya untuk penduduk Kampung Bukit dan Mukim Ukong yang setentunya akan menghasilkan produk yang berkualiti.

## **Ladang padi berkelompok**

Untuk meningkatkan lagi taraf ekonomi masyarakat kampung, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit juga mengungkapahkan Projek Penanaman Ladang Padi Berkelompok di kawasan Melaboi yang bermula pada suku tahun pertama 2008.

Antara jenis padi yang diusahakan ialah padi pusu dan padi bario. Penanaman padi juga diusahakan secara persendirian oleh MPK Bukit dengan keluasan kira-kira 20 ekar.

Menurut Penolong Setiausaha MPK Bukit, Dayang Nilam binti Lundu, selain usaha-usaha yang dijalankan oleh MPK seperti yang dinyatakan, MPK Bukit juga turut menghasilkan produk yang dikenali sebagai 'kopi dan teh beras' yang mana pada masa ini mendapat sambutan dalam kalangan orang ramai bukan hanya di sekitar Daerah Tutong malahan di daerah-daerah lain di negara ini. 'Kopi dan teh beras' yang dijual dengan harga BND2.00 turut dipamerkan di ekspo-ekspo yang diadakan di Daerah Tutong.



# Pelbagai produk tingkatkan sosioekonomi masyarakat kampung

Rencana: Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto: Ihsan Jabatan Daerah Temburong

*6 OKTOBER 2018*



**T**INGGAL jauh di pedalaman bukanlah penghalang kepada para penduduk kampung untuk bergiat aktif dalam memajukan perekonomian kampung masing-masing. Sepertimana kampung-kampung di bawah tadahan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lepong Baru, iaitu Kampung Lepong Lama, Kampung Lepong Baru, Kampung Semabat dan Kampung Tamada, kesepakatan di antara ketua kampung berkenaan, iaitu Awang Ambol anak Bakit berserta para penduduk berjaya menghasilkan beberapa produk di bawah Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Terdapat tiga buah kampung di bawah tadahan Awang Ambol anak Bakit iaitu Kampung Lepong seluas 1,115 hektar; Kampung Semabat berkeluasan 1,258 hektar; dan Kampung Tamada 4,280 hektar yang ditadbir sejak 12 Januari 2010 apabila beliau dilantik sebagai ketua kampung dengan keramaian penduduk sejumlah 353 orang, iaitu 167 lelaki dan 186 perempuan dengan pelbagai bangsa dan anutan agama. Kampung tersebut juga sepertimana kampung-kampung yang lain menikmati kemudahan asas dan prasarana yang diberikan oleh pihak kerajaan seperti bekalan api elektrik, air, sekolah dan sebagainya.

### **Produk MPK Lepong Baru**

Salah satu projek yang dikendalikan ialah kraf tangan anyaman sumboi-sumboi yang juga merupakan projek ekonomi utama bagi MPK Lepong Baru.



*MPK Lepong Baru juga menghasilkan produk pertukangan dari besi antaranya parang, pisau, bujak dan lainnya.*

Projek bermula sejak tahun 2009 ini disertai oleh penduduk kampung manakala modal pula diperolehi hasil kutipan daripada penduduk kampung yang terlibat secara persetujuan bersama selain mendapat bantuan dari pihak kerajaan.

Pelaksanaan projek dibuat secara berkumpulan di Rumah Panjang Kampung Semabat oleh golongan wanita dengan dibantu oleh golongan laki-laki di kampung-kampung terbabit ataupun dibuat secara persendirian di rumah masing-masing.

Selain menghasilkan anyaman sumboi-sumboi, MPK Lepong Baru juga mengendalikan projek perekonomian secara individu seperti menghasilkan pelbagai produk kraf tangan dari rotan. Mereka juga menghasilkan produk pertukangan dari besi antaranya parang, pisau, bujak dan lainnya serta menghasilkan pertukangan dari kayu seperti perahu temuai, lesung kayu dan banyak lagi.



## Pasaran

Meskipun terletak jauh di pedalaman Daerah Temburong, para penduduk kampung tidak ketinggalan dalam memasarkan produk mereka kepada para pengguna atau penggemar hasil kraf tangan, baik di dalam daerah mahupun di luar daerah.

***SEBAHAGIAN produk di bawah Program Satu Kampung Satu Produk yang dihasilkan oleh MPK Lepong Baru.***



secara terus kepada MPK Lepong Baru atau dijual di kedai kampung yang terletak di Pekan Bangar. Selain itu, MPK Lepong Baru juga sering kali menyertai ekspo ataupun bazar, yang mana secara tidak langsung dapat mempromosikan produk-produk mereka kepada orang ramai serta melalui pelawat yang datang berkunjung ke Rumah Panjang Semabat.

## **Projek Pertanian Sekampung**

Salah satu lagi projek yang dikendalikan oleh para penduduk kampung di bawah MPK Lepong Baru ialah Projek Pertanian Sekampung.

Projek dilaksanakan sebagai menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya rakyat dan penduduk di negara ini bergiat dalam bidang pertanian. Projek menumpukan pada tanaman buah-buahan tempatan selain tanaman sampingan mengikut keperluan dengan antara lain bertujuan agar para penduduk kampung melibatkan diri dalam bidang pertanian terutama dalam mengusahakan tanaman buah-buahan tempatan.

Dengan keluasan 40 hektar, projek mempunyai objektif sebagai memberi galakan dan kesedaran kepada penduduk kampung terutamanya para belia supaya bergiat dalam bidang pertanian, di samping menjadi salah satu pengeluar hasil pertanian yang berjaya bagi Daerah Temburong. Secara tidak langsung hasil dari pengendalian projek tersebut setentunya akan dapat menjadi salah satu sumber pendapatan bagi penduduk kampung yang terlibat.

## **Kesan dan manfaat**

Penyertaan dan keterlibatan para penduduk kampung dalam mengendalikan dan mengusahakan projek-projek di bawah Program 1K1P sememangnya memberi kesan dan manfaat kepada masyarakat.

Dengan penglibatan dalam menjayakan projek-projek tersebut, ia berjaya melahirkan perubahan sikap kepada suka berdikari dan bekerja secara berpasukan. Di samping itu, para penduduk terutama kepada ibu tunggal dan warga emas, juga berpeluang menambah pendapatan walaupun dalam jumlah yang kecil. Kesepakatan di antara mereka juga berjaya meningkatkan lagi imej kampung.

## **Anugerah**

Mungkin ramai yang tidak mengetahui, kampung yang terletak lebih 20 kilometer dari Pekan Bangar itu berjaya meraih beberapa anugerah, iaitu mendapat tempat ke-5 dalam Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang Daerah Temburong pada tahun 2005/2006 dan menerima Anugerah Penghargaan Pertama Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan pada tahun 2010-2011.

Rumah Panjang Kampung Semabat juga pernah mendapat tempat pertama Pertandingan Sudut Bacaan Rumah-rumah Panjang Seluruh Negara Tahun 2012.

## **Penutup**

Ke arah mengembangmajukan produk yang sedia ada, MPK Lepong Baru berhasrat untuk menghasilkan pelbagai aliran produk baharu, di samping lebih ramai penyertaan para penduduk kampung terutamanya generasi muda.

Dengan cara itu, MPK Lepong Baru juga berhasrat untuk mewujudkan generasi pelapis yang berdaya saing dan berwawasan. Adalah diharapkan apa pun juga projek yang dikendalikan oleh mereka akan dapat meningkatkan sosioekonomi masyarakat kampung dan seterusnya dapat membudayakan sikap bantu diri dan sara diri demi mengurangkan kebergantungan kepada pihak lain.



# Umbut Luba beri pulangan lumayan

Oleh: Noriah Haji Abdul Hamid  
Foto: Jabatan Penerangan  
dan Ihsan MPK Long Mayan

*20 OKTOBER 2018*

**P**ADA siri kali ini, Pelita Brunei berkunjung ke Kampung Long Mayan, iaitu salah sebuah kampung di bawah tadahan Mukim Ukong. Kampung Long Mayan berkeluasan 27 kilometer persegi dan jarak jauh dari Pekan Tutong ialah 30 kilometer. Kampung Long Mayan mempunyai keramaian penduduk sejumlah 319 orang iaitu 158 lelaki dan 161 perempuan dan ditadbir oleh Awang Md. Eddy Suffian bin Abdullah sejak 27 April 2004.

Daripada maklumat yang diberikan oleh ketua kampung berkenaan, nama Kampung Long Mayan berasal daripada sejenis pokok yang tumbuh antara hujung bukit dengan aliran anak sungai yang juga dikenali sebagai 'ALONG' manakala pokok itu pula dikenali sebagai pokok 'KEMAYAN' sepertimana yang diceritakan oleh orang-orang tua dahulu.

Kampung Long Mayan didiami oleh pelbagai etnik iaitu Dusun (283 orang); Cina (13 orang); Iban (3 orang); Melayu Brunei (19 orang) dan Murut (1 orang).



*SECARA majoriti penduduk di Kampung Long Mayan bekerja sendiri dengan mengusahakan bidang pertanian, bersawah padi dan sebagainya.*

## Prasarana

Kampung Long Mayan menerima kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya yang berasfalt, bekalan api elektrik dan air bersih serta perkhidmatan telefon.

Terdapat sebuah balai raya bagi kemudahan orang-orang kampung mengadakan mesyuarat dan acara-acara kampung. Menurut Ketua Kampung Long Mayan lagi, balai raya tersebut akan dinaik taraf sepertimana di kampung-kampung yang lain selaras dengan keperluan semasa.

Di samping itu, Kampung Long Mayan juga mempunyai sebuah balai ibadat yang dikenali sebagai Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan berdekatan dengan balai raya dan Tamu Muafakat.

## Perekonomian kampung

Kampung Long Mayan terkenal dengan produk umbut luba yang merupakan salah satu produk utama 1 Kampung 1 Produk.



Penanaman pokok luba dipelopori oleh Awang Satu bin Luin bermula pada tahun 1988. Pada 3 Disember 2010, Majlis Pelancaran Penanaman Pokok Luba disertai oleh 38 buah keluarga dirasmikan oleh mantan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhd. Taha bin Abdul Rauf dengan penyerahan benih pokok luba untuk ditanam di setiap rumah peserta.

Menurut Awang Md. Eddy Suffian, pada masa ini pokok luba diusahakan oleh penduduk kampung di atas sebidang tanah yang diperuntukkan seluas 100 ekar.

---

*UMBUT Luba yang merupakan salah satu produk utama 1 Kampung 1 Produk Kampung Long Mayan.*

Umbut luba mempunyai keunikan tersendiri sebagai hidangan tradisi yang lazat dan sihat bukan sahaja menjadi kegemaran penduduk kampung berkenaan dan sekitarnya bahkan juga di daerah-daerah lain di negara ini. Harga dalam pasaran juga begitu menggalakkan yang mana ia dijual dengan harga BND5.00 sekilo. Umbut luba sedap jika dimasak lemak cili padi, sedikit belacan sama ada dicampur dengan udang kering/udang hidup atau ikan masin.

Pada lazimnya, pokok luba ditebang dan diambil umbutnya selepas lima tahun ditanam. Sementara menunggu hasil pokok luba, penduduk kampung juga menyelitkan tanaman buah-buahan seperti durian kuning, durian pulu, durian putih dan lain-lain untuk menambahkan lagi pendapatan perekonomian penduduk kampung. Buah durian selalunya berbuah dua kali dalam setahun.

Umbut luba dan pelbagai jenis durian dijual di Tamu Muafakat dan juga dihantar ke kedai-kedai di Kampung Lamunin dan menghasilkan pulangan lumayan kepada penduduk-penduduk kampung.

## **Tamu Muafakat Kampung Long Mayan**

Tamu Muafakat Kampung Long Mayan mula diadakan sejak tahun 2001. Pada 3 Jun 2012 Tamu Muafakat Kampung Long Mayan mempunyai bangunan baharu yang kondusif dan memberikan keselesaan penduduk-penduduk kampung berniaga.

Sepertimana lazimnya Tamu Muafakat Kampung Long Mayan diadakan pada setiap Ahad pada minggu pertama setiap bulan atau tertakluk kepada keadaan.



***POKOK** Luba ditebang dan diambil umbutnya selepas lima tahun ditanam.*



Antara jualan di tamu tersebut seperti buah-buahan, sayur-sayuran, makanan, beras tempatan dan sebagainya. Mereka yang berkunjung bukan sahaja mereka yang tinggal di kampung-kampung yang berdekatan malahan juga dari daerah lain yang berhajat untuk membeli buah-buahan atau sayur-sayuran kampung.



*ANTARA yang dijual di Tamu Muafakat Kampung Long Mayan.*

## **Aktiviti-aktiviti kampung**

Majlis Perundingan Kampung (MPK) Long Mayan bukan sahaja aktif mengendalikan aktiviti atau program-programnya sendiri malahan juga yang dianjurkan oleh agensi-agensi lain.

Kementerian Kesihatan juga mengadakan Taklimat Penyakit Untut dan diselajurkan dengan pengambilan contoh-contoh darah sebagai langkah pencegahan. Dalam bidang keagamaan MPK berkenaan mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung, mengadakan ceramah-ceramah agama khas sempena Maulidur Rasul, aktiviti-aktiviti keagamaan sepanjang bulan Ramadan seperti bertadarus dan seterusnya Majlis Khatam Al-Quran.

### **Jadual Tamu Muafakat Bagi Tahun 2018**

| <b>BULAN</b> | <b>MINGGU 1</b>  | <b>MINGGU 2</b>  | <b>MINGGU 3</b> | <b>MINGGU 4</b>   |
|--------------|------------------|------------------|-----------------|-------------------|
| Januari      | 7 Januari 2018   | -                | -               | -                 |
| Februari     | -                | 11 Februari 2018 | -               | -                 |
| Mac          | 4 Mac 2018       | -                | -               | -                 |
| April        | -                | 8 April 2018     | -               | -                 |
| Mei          | -                | -                | -               | -                 |
| Jun          | 3 Jun 2018       | -                | -               | -                 |
| Julai        | 1 Julai 2018     | -                | -               | -                 |
| Ogos         | -                | -                | -               | -                 |
| September    | 2 September 2018 | -                | -               | 30 September 2018 |
| Oktober      | -                | -                | -               | 28 Oktober 2018   |
| November     | -                | -                | -               | -                 |
| Disember     | 2 Disember 2018  | -                | -               | 30 Disember 2018  |

| <b>Penerima Bantuan</b>        |                          |                     |
|--------------------------------|--------------------------|---------------------|
| <b>PENCEN</b>                  | <b>BANTUAN KEBAJIKAN</b> | <b>FAKIR MISKIN</b> |
| Pencen Tua (27 orang)          | 10 orang                 | 3 orang             |
| Pencen Buta (1 orang)          |                          |                     |
| Pencen Gila (1 orang)          |                          |                     |
| Pencen Cacat Anggota (3 orang) |                          |                     |

MPK ini juga pernah meraih beberapa kejayaan iaitu menduduki tempat kedua pertandingan nasyid, menjuarai pertandingan membaca ayat-ayat lazim peringkat daerah dan negara dan sebagainya.

Di samping itu, para belia Kampung Long Mayan juga tidak ketinggalan mengikuti pelbagai kursus bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran seperti Kursus Kepimpinan Belia Daerah Tutong serta menyertai Program Amal Belia-belia Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan ke Kampung Sukang.

### **Giat memajukan kampung**

Pelbagai program berbentuk perekonomian kampung bagi meningkatkan sara diri penduduk kampung, bidang keagamaan dan kemasyarakatan serta memperkasa belia dan beliawanis kampung berkenaan dilaksanakan menjadikan Kampung Long Mayan sebuah kampung yang seiring dengan kampung-kampung lain bergerak maju ke hadapan.

Sebagai menyahut dan menggalas tugas dan tanggungjawab Ahli MPK dalam memeduli penduduk kampung, MPK Long Mayan giat mengadakan permuzakaran dan perundingan dari semasa ke semasa sama ada dengan agensi kerajaan, swasta dan juga pihak pertubuhan bukan kerajaan bagi mempertingkatkan kesejahteraan, kebajikan dan menangani apa jua isu atau permasalahan penduduk kampung serta mengekalkan perpaduan, keharmonian, keselamatan dan mengalinga kebajikan golongan berkeperluan, anak-anak yatim dan warga emas.

# Kampung Ukong tumpuan pelawat

Rencana dan Foto:  
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

*3 NOVEMBER 2018*

**H**ASRAT menjejak kaki ke Kampung Ukong yang sinonim dengan kawasan tumbuhan hijau ini tidak dilepaskan penulis. Kawasanya yang jauh daripada kesibukan bandar sememangnya aman, tenang dan damai. Jarak dari Pekan Tutong ialah 30 kilometer.

Dengan keluasan kampung 26 kilometer persegi, sebanyak 220 buah rumah yang terdapat di kampung ini yang dihuni oleh 1,292 penduduk yang terdiri daripada 622 lelaki dan 630 perempuan.

Kampung Ukong ditadbir oleh Haji Muhd. Nendaroh bin Datu Kornia Diraja Gadong sejak 2 Disember 1996 hingga sekarang ini termasuklah Kampung Ukong, Pangkalan Dong, Kampung Pangkalan Ran, Kampung Pak Bidang/Rumpau dan Kampung Sungai Damit Pemasang.

Menurut ketua kampung, penduduk kampung berkenaan terdiri daripada bangsa Melayu seramai 1,200 orang; diikuti dengan bangsa Cina 91 orang dan selebihnya puak Iban.

### **Produk-produk hiliran dan lawatan-lawatan ke kilang sagu**


Antara produk yang dihasilkan oleh penduduk Kampung Ukong ialah sagu yang mana tempat memproses ambulung menjadi tempat yang sering dikunjungi oleh pelancong dari luar dan dalam negara.

Perusahaan ambulung yang dimiliki oleh Syarikat Perusahaan Sagu Yong Pin Chin dan Anak-Anak beroperasi sejak awal tahun 1971 dan mempunyai peralatan moden yang dijalankan oleh pekerja-pekerja yang terdiri daripada penduduk tempatan seramai empat orang dan empat orang dari luar negeri yang mana sebelum ini semua pekerja kilang terdiri daripada ahli keluarga sendiri sahaja.

Pembungkusan tepung sagu adalah dengan menggunakan plastik. Proses pengeluaran tepung sagu dilaksanakan sebanyak empat kali dalam tempoh sepuluh hari yang bermakna empat kali proses dibuat di dalam kilang sagu untuk mendapatkan hasil tepung sagu yang dianggarkan berat mencapai 800 kilogram tepung sagu bagi setiap kali pemprosesan.

Mengikut pengiraan dianggarkan hasil dari segi kewangan dalam tempoh empat kali pemprosesan mencapai pendapatan bersih sehingga BND7 ribu.

### Statistik Keramaian Pengunjung ke Perusahaan Kilang Sagu Kampung Ukong Bagi Tahun 2017 sehingga Oktober 2018



*DATA yang diperolehi dari Majlis Perundingan Kampung Ukong mengenai jumlah keramaian pengunjung ke Perusahaan Kilang Sagu Kampung Ukong iaitu seramai 2,128 orang.*

Tepung-tepung sagu yang sudah dibungkus akan dipasarkan ke kedai-kedai runcit dan pasar raya termasuk pasar tani. Pada masa ini, tepung-tepung sagu milik syarikat, berdasarkan kepada kuantitinya hanya mampu untuk dipasarkan di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong sahaja.

Selain itu, tepung-tepung sagu tersebut juga dihasilkan untuk dijadikan makanan seperti ambuyat. Syarikat juga telah menghasilkan produk-produk hiliran seperti tepung kering, kuih mor, biskut dan biji sagu. Produk-produk hiliran ini kebanyakannya akan dijual kepada pelawat-pelawat dari dalam dan luar negeri termasuk penuntut-penuntut maktab dan anak-anak sekolah.

Produk seperti ulat sagu adalah yang paling digemari oleh para pelawat kerana ia meninggalkan kesan yang sangat ekstrem untuk setiap pelawat yang berkeinginan menikmatinya secara mentah ataupun setelah ia dimasak.

Secara purata rombongan lawatan diterima pada setiap bulan adalah minimum lapan kali. Walau bagaimanapun, angka lawatan ini meningkat secara drastik pada cuti persekolahan sehingga ada kalanya menerima dua lawatan pada satu hari. Kebanyakan rombongan lawatan ini diuruskan melalui ejen-ejen pelancongan di dalam negeri.

## **Pengalaman bermakna**

Semasa melawat di kilang ini, rata-rata para pelawat memberikan pandangan yang bermakna dan unik, di mana kilang ini memperlihatkan bagaimana pokok rumbia ditebang sehinggalah proses membuat ambulung dan seterusnya para pelawat disajikan dengan hidangan ambuyat dimakan dengan menggunakan candas dengan pelbagai cecah seperti binjai dan tempoyak.

Candas ialah alat yang diperbuat daripada buluh untuk makan ambuyat. Pelbagai hidangan turut dihidangkan apabila menikmati ambuyat seperti ulam-ulaman dengan sambal belacan, ikan rebus, ikan bakar, ikan ampap, ikan liking, daging lalap, sayur-sayur tempatan dan sebagainya.



***KESERONOKAN*** makan ambuyat membuatkan para pelawat rasa teruja dengan pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

Di sini akan timbul keseronokan makan ambuyat membuatkan para pelawat rasa teruja dengan pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Ada juga di antara pelawat akan disajikan dengan memakan ulat rumbia. Ada yang rasa ngeri, takut dan geli dan ada yang berasa enak apabila makan ulat rumbia.

## **Pelbagai produk daripada sagu**


Pilihan makanan ambuyat dari sagu/ambulung ini sebagai makanan asasi sangat bertepatan dengan konsep pemakanan sihat kerana ambuyat adalah terdiri daripada air putih yang sangat diperlukan oleh badan manusia.

Dengan mempelbagai produk dari sagu, ia menggalakkan penduduk Kampung Ukong untuk menjual biskut-biskut seperti biskut sagu, kuih mor, dan sesagun. Sambutan amat menggalakkan terutama tempahan semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri kerana rasanya yang enak dan rangup bila dimakan. Usaha secara individu membuat biskut dari sagu ini membantu menambah pendapatan para ibu dan belia di kampung berkenaan.



***ANTARA** produk yang dihasilkan dan dijual oleh penduduk Kampung Ukong.*





# Pondok warisan memancing destinasi riadah menarik

Rencana: Noriah Haji Abdul Hamid  
Foto: Jabatan Penerangan

*17 NOVEMBER 2018*



**M**ENYEBUT sahaja mengenai Kampung Belais dan Buda-Buda, secara automatik terbayang dalam kotak fikiran deretan pondok-pondok warisan memancing yang menjadi daya tarikan dan pilihan utama orang ramai untuk membawa keluarga bercuti apatah lagi apabila dalam kalangan mereka sememangnya kaki pancing.

Dengan kedudukannya yang strategik, iaitu dibina di tebing sungai setentunya menghadirkan panorama alam semula jadi yang amat menarik dengan kehijauan pokok-pokok yang tumbuh subur di seberang sungai dan gemersik air sungai yang mengalir menyamakan halwa telinga.

Pondok memancing Kampung Belais dan Buda-Buda begitu sinonim dan mengangkat nama Kampung Belais dan Buda-Buda dalam sektor ekopelancongan.

Setakat ini, menurut Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda sebanyak sepuluh buah pondok telah dibina bagi memenuhi impian kampung tersebut menjadikannya sebagai satu destinasi riadah percutian yang menarik dan juga keperluan orang ramai beriadah bersama keluarga.



***PONDOK Patingkang** antara pondok memancing Kampung Belais dan Buda-Buda yang begitu sinonim dan mengangkat nama Kampung Belais dan Buda-Buda dalam sektor ekopelancongan.*



***SULAP Udang Galah antara pondok memancing yang terdapat di Kampung Belais dan Buda-Buda.***

Hasil daripada maklumat yang diperolehi menerusi Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, pada bulan Disember pondok-pondok tersebut pada keseluruhannya penuh ditempah bukan hanya dari Daerah Temburong sendiri malahan dari daerah-daerah lain di negara ini dan tidak ketinggalan pengunjung-pengunjung dari negara jiran terdekat, iaitu Sabah dan Sarawak, Malaysia.

## **Pondok-pondok memancing**

Antara pondok-pondok riadah dan memancing tersebut ialah Pondok Pagong, Pondok Autan, Pondok Talapia, Pondok Sepat, Pondok Petihan (*in progress*), Sulap Udang Galah, Pondok Bangkutup, Pondok Ikan Sumpit, Pondok Patingkang dan Pondok Ikan Lawang.

Pondok-pondok memancing menawarkan fasiliti yang melengkapi sebuah *homestay* seperti ruang tamu, bilik tidur, kamar mandi, tandas, kelengkapan dapur, set televisyen, penghawa dingin, bilik tidur, kipas angin, mesin pencuci pakaian, tempat barbeku, tempat memancing dan lain-lain dengan menawarkan variasi pakej dengan harga yang menarik.

Tawaran pakej-pakej menarik ini antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan pengunjung dengan tahun 2016 mencatatkan jumlah tempahan yang tertinggi. Menurut Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Awang Haji Ahmad bin Mohd. Hussein, kira-kira 1,500 orang pengunjung menginap di pondok berkenaan sepanjang bulan Disember.

Menurut beliau lagi, pondok-pondok tersebut dibina dengan perbelanjaan sepenuhnya oleh pemilik. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perundingan Kampung (MPK) juga giat berusaha dalam membantu meningkatkan dan menaik taraf pondok-pondok berkenaan dari semasa ke semasa apatah lagi ia merupakan salah satu projek yang membawa tuah kepada kampung tersebut dalam projek Anugerah Kampung Cemerlang (AKC).

Sejak menyertai projek AKC pada tahun 2005-2007, MPK Belais dan Buda-Buda menempah sejarah menjadi juara pertandingan di peringkat kebangsaan.



*ANTARA pondok-pondok riadah dan memancing yang terdapat di Kampung Belais dan Buda-Buda.*

Beberapa pemilik pondok juga memberitahu bahawa pada lazimnya setiap tahun sewaktu percutian penggal persekolahan pada bulan Mac tempahan sudah diterima sebulan lebih awal. Begitu juga bagi cuti penggal persekolahan bulan Disember, tempahan diterima sejak awal bulan November lagi dan pondok-pondok habis ditempah sehingga awal bulan Januari.

## **Latar belakang**

Kampung Belais dan Buda-Buda adalah di bawah tadahan Mukim Bokok dan terletak di antara Kampung Puni dan Kampung Bokok.

Kampung Buda-Buda adalah pintu masuk ke Kampung Belais dan Buda-Buda bersempadan dengan Kampung Puni. Manakala Kampung Belais Besar merupakan pintu keluar bersempadan dengan Kampung Paya Bagangan yang juga di bawah Mukim Bokok. Jika mengikut jarak jalan raya utama, Kampung Belais dan Buda-Buda berjarak 3 kilometer di antara sempadan.

Kampung Belais dan Buda-Buda ditadbir oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Hussin, 68 tahun, yang juga Pengerusi Ahli Jawatankuasa MPK Belais dan Buda-Buda sejak 1 Februari 2000. Di bawah seliaan beliau, terdapat seramai 287 orang yang bermastautin di kampung tersebut. Kampung yang termasuk di Kampung Belais dan Buda-Buda ialah Kampung Belais Besar, Belais Kecil dan Kampung Buda-Buda.

Kampung Buda-Buda mempunyai sejarah ringkas yang mana dalam bahasa Murut membawa maksud 'putih' dan jika dijamakkan menjadi 'putih-putih'. Menurut cerita Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, ia juga dikaitkan dengan tanah bukit Buda-Buda yang mempunyai pasir putih dan juga batu putih. Dalam bahasa Murut, batu putih disebut Buda-Buda. Kaitan keduanya berkemungkinan ada kebenarannya, jelas beliau.

Kampung Belais dibahagi kepada dua, iaitu Belais Kecil dan Belais Besar. Nama Belais diambil daripada nama sejenis ikan air masin, iaitu ikan belais yang mana pada zaman dahulu ia dijadikan sebagai barang pertukaran antara penduduk-penduduk di kampung berkenaan dengan orang-orang Barunai.

## **Kemudahan asas dan prasarana**


Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui agensi-agensi kerajaan yang berkenaan sentiasa peka dan memberikan kemudahan yang diperlukan oleh rakyat dan penduduk di negara ini walau di mana saja mereka berada. Justeru itu, Kampung Belais dan Buda-Buda tidak ketinggalan dari menerima prasarana dan kemudahan asas seperti perkhidmatan telefon, bekalan api elektrik, bekalan air bersih, jalan raya yang berturap, sebuah masjid dan lain-lain.

## **Produk kampung**

MPK Belais dan Buda-Buda giat mengusahakan pelbagai projek dengan memberi keutamaan kepada ekopelancongan, iaitu taman warisan, pondok memancing dan riadah dan merentas Banjaran Bukit Luba, di samping mengusahakan ternakan ayam pedaging dan tanaman kulat.

Kampung ini juga popular dengan tanaman sayur kucai hingga diabadikan sebagai mercu tanda kampung di samping pembuatan kerepek pisang, bawang goreng dan kerepek keladi yang mendapat sambutan begitu menggalakkan daripada para pembeli. Tidak ketinggalan juga kerepek pisang manis, wajid jawa, wajid nasi, nasi upih dan bunga yang dibuat daripada manik yang kelihatan cantik.

MPK Belais dan Buda-Buda sentiasa menaik taraf projek kampung pada menyahut dan mendukung seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi projek 'Satu Kampung Satu Produk' yang dapat menjana dan meningkatkan ekonomi kampung sekali gus dapat membantu orang-orang susah dan memerlukan malahan mendukung saranan pihak kerajaan dalam mengurangkan kemiskinan di Negara Brunei Darussalam.



# Biro Wanita MPK Mumong komited mempromosi produk 1K1P

Rencana: Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto: Jabatan Penerangan

*1 DISEMBER 2018*

**E**DISI Kenali Negara Kitani kali ini membawa para pembaca mengunjungi salah sebuah kampung yang terletak kira-kira enam kilometer dari Pekan Belait, iaitu Kampung Mumong.

Dibahagikan kepada Kampung Mumong ‘A’ dan Kampung Mumong ‘B’, kampung ini termasuk dalam Mukim Kuala Belait dan kini di bawah kepimpinan seorang Ketua Kampung, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin sejak tahun 2003 yang sebelumnya memangku jawatan Ketua Kampung Mumong sejak tahun 2001 hingga 2003.

Sepertimana kampung-kampung lain di negara ini, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mumong ‘A’ dan Mumong ‘B’ saling berganding bahu ke arah melaksanakan beberapa projek di bawah Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) seperti menghasilkan sos cili, jem, baulu, minuman kordel, kek marble dan kuih-muih lainnya.

Kerja keras mereka itu sememangnya tidak sia-sia bila kampung berkenaan terpilih untuk menyertai Program Anugerah Kampung Cemerlang Tahun 2009 anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di mana Kampung Mumong merupakan antara 15 buah kampung yang terpilih ke peringkat akhir dengan mengetengahkan produk sos cili.

Dalam pelaksanaan berkenaan, Biro Wanita MPK Mumong dipertanggungjawabkan untuk mempromosikan produk berkenaan kepada umum.

## **Pusat aktiviti**

Dalam pendekatan wakil Pelita Brunei bersama Ketua Biro Wanita Kampung Mumong ‘B’, Dayang Hajah Julia binti Chee menjelaskan bagi memudahkan pelaksanaan pembuatan produk mereka, pihak berkenaan telah menyediakan satu kemudahan yang dikenali sebagai Pusat Aktiviti.

Terletak di Berek No.772 A-1-2 Simpang 120-48-36-41 *Mumong by Pass*, pusat berkenaan yang merupakan premis kerajaan yang tidak lagi digunakan itu sememangnya membolehkan ahli-ahli yang terlibat untuk memproses produk-produk MPK Mumong ‘A’ dan Mumong ‘B’ dengan lebih teratur dan efektif.

Selain bagi kegunaan memproses produk-produk di bawah 1K1P, Pusat Aktiviti



***AHLI-AHLI Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mumong yang bertanggungjawab menjayakan dan mempromosikan produk MPK Mumong hingga mendapat sambutan menggalakkan.***

tersebut juga digunakan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh MPK Mumong 'A' dan Mumong 'B' yang sememangnya giat mengendalikan program bagi penyertaan para penduduk kampung.

Antara aktiviti yang sering dianjurkan oleh kampung tersebut ialah berfikir, mengaji, bertadarus sepanjang bulan Ramadan, Majlis Doa Arwah dan sebagainya.

Dengan penyediaan pusat berkenaan menunjukkan sokongan dan dukungan pihak berwajib terhadap program-program atau apa jua aktiviti yang dikendalikan oleh MPK Mumong 'A' dan Mumong 'B'.

## **Keistimewaan produk**

Ketika ditanya tentang keistimewaan produk sos cili yang dihasilkan oleh mereka berbanding produk luar negara, Dayang Hajah Julia menjelaskan bahawa tidak banyak perbezaan antara sos cili MPK Mumong dengan sos cili lainnya melainkan sos cili mereka dihasilkan sendiri tanpa bantuan mesin-mesin tertentu sedangkan produk luar negara mungkin diproses menggunakan mesin khas.



Katanya lagi, apa yang lebih membanggakan ahli-ahli Biro Wanita MPK Mumong 'A' dan Mumong 'B' ialah produk sos cili mereka telah membawa mereka ke beberapa buah negara seperti China dan Sabah, Malaysia di mana mereka berpeluang mempromosikan produk-produk mereka itu melalui ekspo-ekspo yang diadakan di negara-negara terbabit.



*PRODUK sos cili mendapat sambutan yang menggalakkan di dalam dan luar negara.*



*SEBAHAGIAN daripada produk yang dihasilkan oleh Biro Wanita MPK Mumong di bawah Program 1K1P.*

## **Penglibatan belia**


Menyentuh mengenai penglibatan belia dalam mengusahakan produk-produk di bawah 1K1P, Dayang Hajah Julia menunjukkan sedikit rasa kecewa memandangkan para belia di kampung berkenaan tidak menunjukkan minat untuk sama-sama terlibat dalam mengusahakan produk-produk kampung malahan kurang aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kampung tersebut.

Oleh itu, beliau menyarankan kepada golongan belia agar mereka ikut serta menjayakan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh MPK Mumong 'A' dan Mumong 'B' serta melibatkan diri dalam kerja-kerja pemprosesan produk-produk yang diusahakan oleh ahli-ahli MPK.

Dengan penglibatan mereka itu ujarnya, para belia terbabit secara tidak langsung dapat mempelajari cara-cara pemprosesan produk-produk yang dihasilkan dan seterusnya membolehkan mereka menghasilkan produk mereka sendiri untuk dijadikan sebagai mata pencarian.

Semoga saranan beliau itu akan mendapat sambutan yang positif dari golongan belia di kampung berkenaan kerana generasi muda itulah bakal penerus kepada usaha-usaha yang dikendalikan oleh ahli-ahli MPK berkenaan ketika ini yang kebanyakannya terdiri daripada warga emas.

Dengan penglibatan mereka itu juga diharap akan dapat membawa transformasi terhadap kaedah mahupun pendekatan teknik-teknik pemprosesan mahupun promosi produk-produk yang diusahakan dan seterusnya akan membantu negara mencapai Wawasan Brunei 2035 dengan memiliki kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan.



# Kopi Beras Kampung Bukit unik, berkhasiat

Rencana: Noriah Haji Abdul Hamid  
Foto: Jabatan Penerangan dan Muhd. Adi Wafiuddin Haji Roslinei,  
Penempatan mahasiswa di Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei

*15 DISEMBER 2018*

## Pengenalan

**T**ERLETAK sejauh 26 kilometer dari Pekan Tutong, pengunjung akan berasa ketenangan dan kedamaian yang menyelubungi kampung ini jauh dari hiruk-pikuk deruan kenderaan dan kesibukan. Kampung Bukit berkeluasan 41 kilometer persegi dan merupakan salah sebuah kampung di bawah tadahan Mukim Ukong di bawah pimpinan Awang Haji Muhammad Shadiqin bin Abdullah Janjam sebagai Ketua Kampung sejak tahun 2003 lagi.

Antara kawasan di bawah seliaan beliau juga ialah Kampung Bang Ingi, Kampung Pulau Lamu, Kampung Pak Mahligai/Melaboi, Kampung Litad, Kampung Pengkalan Padang, Kampung Kaut Panchor, Kampung Danggor dan Kampung Bingol.

Sepanjang perjalanan menelusuri Kampung Bukit, terdapat kebun buah-buahan seperti durian, rambutan dan sebagainya. Kelihatan juga beberapa orang penduduk kampung sedang menjalankan kerja-kerja penanaman semaian padi di sawah seluas dua ekar yang diperuntukkan kepada penduduk kampung yang berminat. Padi yang ditanam antaranya adalah padi pusu dan padi adan.

| Bilangan penduduk mengikut jantina |           | Bangsa dan kaum |      |      |           | Jumlah    |
|------------------------------------|-----------|-----------------|------|------|-----------|-----------|
| Lelaki                             | Perempuan | Melayu          | Cina | Iban | Lain-lain |           |
| 313 orang                          | 314 orang | 603             | 16   | 8    | -         | 627 orang |

*BILANGAN penduduk di Kampung Bukit.*

## Prasarana dan kemudahan awam

Kampung Bukit, seperti kampung-kampung lain dilengkapi dengan prasarana dan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air bersih, perkhidmatan api elektrik dan terdapat sebuah sekolah yang diberi nama Sekolah Rendah Kampung Bukit, di samping sebuah Pos Polis.

## Produk kampung

Sebagai masyarakat yang mengamalkan budaya bermuafakat, ringan sama

dijinjing dan berat sama dipikul, setentunya memberikan impak yang positif kepada menggerakkan penyertaan penduduk-penduduk kampung dalam sama-sama mewujudkan kemajuan dan kesejahteraan kampung. Ke arah itu, Kampung Bukit mempunyai Majlis Perundingan Kampungnya (MPK) sendiri yang berperanan sebagai nadi dan penggerak kepada memperkasa masyarakat kampung menghasilkan produk-produk 1 Kampung 1 Produk (1K1P).

Salah satu produk Kampung Bukit yang unik dan berkhasiat ialah kopi beras yang diusahakan oleh Awang Tikom bin Yapik dan keluarga. Menurut beliau produk beliau ini adalah daripada Beras Laila yang diuar atau digoreng tanpa menggunakan minyak hingga menghitam, tetapi tidak hangus dan mengambil masa satu ke satu jam setengah untuk menghasilkan kopi beras yang enak diminum. Menurut Awang Tikom, kopi beras ini selain dijadikan sebagai minuman ia juga boleh merawat mereka yang terkena cirit-birit dan sebagainya.

Sesiapa yang berminat mencuba keenakan dan khasiat Kopi Beras tersebut boleh mendapatkannya di Galeri Jabatan Daerah Tutong atau di Rimba Garden Tungku Link.



*SALAH satu produk Kampung Bukit yang unik dan berkhasiat ialah Kopi Beras yang diusahakan oleh Awang Tikom bin Yapik dan keluarga.*



*Kopi Beras ini selain dijadikan sebagai minuman ia juga boleh merawat mereka yang terkena cirit-birit dan sebagainya.*



***EMPING Beras juga merupakan salah satu produk Kampung Bukit.***

Produk ini juga sering dibawa ke ekspo atau pameran di Daerah Tutong dan juga Bandar Seri Begawan. Ujar Awang Tikum setakat ini produk tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Kampung Bukit juga terkenal dengan pembuatan kraf tangan yang cantik dan merupakan salah satu sumber penghasilan selain dari hasil kebun buah-buahan, beras, Minyak Kelapa Dara, Emping Beras dan sebagainya. Hasil kraf tangan penduduk-penduduk kampung berkenaan dipamerkan dan dijual di balai pameran yang terletak di dewan Kampung Bukit di bawah pengurusan pihak MPK.



***KAMPUNG Bukit juga terkenal dengan pembuatan kraf tangan yang cantik dan merupakan salah satu sumber penghasilan.***

Pembuatan kraf tangan yang pada asalnya hanyalah merupakan aktiviti sampingan di masa lapang, tetapi kini sebagai mata pencarian penduduk-penduduk kampung dan memberi pulangan yang lumayan apabila produk-produk tersebut berjaya menawan hati para pembeli dari dalam dan luar negara yang berkunjung ke dewan pameran tersebut. Penduduk-penduduk di sekitarnya seperti Kampung Long Mayan, Kampung Ukong dan lainnya turut sama menghantar hasil kraf tangan di sana.

## **Penutup**

Apabila sesebuah kampung mempunyai MPK yang mantap dan proaktif dalam melaksanakan pelbagai aktiviti setentunya akan melahirkan sebuah kampung yang mempunyai sosioekonomi yang baik, masyarakat yang harmoni dan bergerak maju ke hadapan. Justeru itu, MPK Bukit sentiasa berazam untuk terus meningkatkan usaha dalam mempelbagaikan aktiviti agar Kampung Bukit berdiri seiring dengan kampung-kampung lain yang maju membangun.



# Merentasi Kampung Batang Mitus

Rencana: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
Foto: Jabatan Penerangan

*29 DISEMBER 2018*





**R**UANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memaparkan cerita mengenai Kampung Batang Mitus yang terletak di Daerah Tutong. Dari segi pentadbiran, Kampung Batang Mitus terletak dalam Mukim Kiudang yang mempunyai keluasan 13.5 kilometer persegi. Kampung ini dihuni oleh 1,102 penduduk dan terdapat sebanyak 105 buah rumah.

Ketika ini jawatan Ketua Kampung Batang Mitus dan Kebia dipangku oleh Penghulunya, Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah @ Selangkir bin Yakin.

## **Prasarana**

Walaupun kampung ini terletak kira-kira 28 kilometer dari Bandar Tutong namun penduduk kampung ini juga tidak terlepas daripada menikmati kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seperti juga kampung-kampung yang lain di negara ini, seperti sekolah, balai raya, bekalan api elektrik, bekalan air bersih, talian telefon, jalan raya yang berturap dan sebagainya.

Di samping itu, penduduk kampung juga turut diberikan perhatian berupa Bantuan Kebajikan dan Pecen Umur Tua serta Bantuan Kebajikan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ini jelas membuktikan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui agensi-agensinya yang dipertanggungjawabkan untuk memeduli kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

## **Produk**

Kampung Batang Mitus mempunyai produknya tersendiri yang dihasilkan oleh penduduk kampung tersebut yang berupa kraf tangan dari anyaman seperti takiding, bakul dan tikar.

Selain itu, mereka juga gemar bercucuk tanam. Salah seorang peserta Projek Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kampung Batang Mitus, Awang Suhili bin Alas menyatakan KKP pada awalnya dikenali dengan nama Projek Kemajuan Luar Bandar (PKLB) dan diterokai pada tahun 1995 dengan keluasan 110 ekar. Ujarnya lagi, KKP mempunyai keahlian seramai 50 orang, di mana setiap ahli diberikan sebanyak dua ekar seorang.

Antara tanaman yang begitu popular ditanam di KKP ini ialah pelbagai jenis durian, seperti durian kuning/otak udang, durian putih, durian kawin, durian pulu, selain daripada tanaman pokok tarap, mata kucing dan kembayau. Yang terbaharu ialah menanam durian musang king dengan berskala kecil. Untuk mendapat hasil yang cepat, ada di antara ahli yang mengusahakan tanaman seperti pokok pisang dan nenas.



***POKOK tarap yang diusahakan dalam Projek Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP).***

## **Warisan budaya**

Setiap bangsa, kaum atau puak di dalam masyarakat mempunyai kebudayaan masing-masing yang mencerminkan sesuatu bangsa itu sendiri. Budaya bukan sahaja menjadi sebagai penanda aras maruah sesuatu bangsa malahan perlu dipertahankan sebagai warisan zaman-berzaman.

Menyentuh mengenai kebudayaan dan adat, Kampung Batang Mitus mewarisi dan masih



***USAHAWAN Projek KKP, Suhili bin Alas menunjukkan pokok kembayau yang menghasilkan buah.***



***PENANAMAN sayur secara fertigasi yang diusahakan oleh penduduk Kampung Batang Mitus.***

mengamalkan Pesta Adau Gayoh yang bermaksud hari besar bagi puak Sang Jati Dusun dan disambut setiap 1 Mei selepas sahaja habisnya musim menuai padi.

Ia merupakan tanda kesyukuran selepas menikmati hasil padi dan antara lain bertujuan bagi mengingati kembali budaya puak Dusun yang semakin dilupakan oleh generasi muda masa kini. Ke arah itu, MPK Batang Mitus/Kebia menjadikan Adau Gayoh sebagai aktiviti tahunan mereka, sekali gus mewujudkan perpaduan dalam kalangan penduduk berkenaan dan sekitarnya.





